KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

# PENDIDIKAN MORAL

## TINGKATAN 5




**PENULIS**

Mohd Hilmie bin Mohd Mokhtar
Barathi a/p Santhasaran
Anuratha Bai a/p Subramaniam





**EDITOR**

Azihani binti Md Mizan
Nor Azita binti Umar





**ILUSTRATOR**

Mohamad Sharif bin Mohd Yasin





**PEREKA BENTUK**

Hisham bin Aris



DBP
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2020

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0088

KK 370-221-0102011-49-2872-30101
ISBN 978-983-49-2872-8

Cetakan Pertama 2020
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2020

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: http://www.dbp.gov.my

Reka Letak dan Atur Huruf:
Percetakan Mesbah Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: macleeks2r
Saiz Muka Taip Teks: 11 poin

Dicetak oleh:
Percetakan Zainon Kassim Sdn. Bhd.,
No. 1, 2, 4 & 6 Tingkat Kilang,
Kawasan Perindustrian Ringan Jelapang,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

# PENGHARGAAN

Penghasilan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Oleh itu, penulis merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama memberikan sumbangan sehingga buku ini sempurna diterbitkan. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada pihak berikut:

- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera,
  Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan,
  Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Luar Negeri.
- Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.
- Kementerian Belia dan Sukan.
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
- Jabatan Alam Sekitar.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- Radio dan Televisyen Malaysia (RTM).
- Astro Awani Network Sdn. Bhd.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).
- Persekutuan Pengakap Malaysia.
- Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC).
- Pusat Hubungan Antarabangsa (UKM Global).
- Institut Integriti Malaysia.
- Khalsa Diwan Malaysia.
- Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia.
- SMK Majidi Baru 2, Johor Bahru, Johor.
- SM St. Michael, Penampang, Sabah.
- SMK Bandar Baru Ampang, Ampang, Selangor.
- SMK Hutan Melintang, Hutan Melintang, Perak.

# KANDUNGAN


PENDAHULUAN v

BIDANG 5 INSAN BERMORAL 1

UNIT 1: Norma Masyarakat Global Membentuk Keharmonian Sejagat 2
UNIT 2: Ukir Nama di Mata Dunia, Jati Diri Berpisah Tiada 16
UNIT 3: Kerohanian Membentuk Individu Bermoral 30
UNIT 4: Penggunaan Sumber dan Penyebaran Maklumat demi Kesejahteraan Sejagat 44

BIDANG 6 JATI DIRI MORAL 59

UNIT 5: Integriti Pemacu Kecemerlangan Organisasi 60
UNIT 6: Pembangunan Negara Bertunjangkan Integriti 74
UNIT 7: Berperikemanusiaan Pemangkin Kesejahteraan Global 88

BIDANG 7 MORAL DAN KENEGARAAN 103

UNIT 8: Penglibatan Diri Peneraju Komuniti 104
UNIT 9: Kerjasama Masyarakat Global 120
UNIT 10: Pengurusan Kewangan Secara Beretika Menjamin Keharmonian Hidup 136
UNIT 11: Malaysia Unggul di Mata Dunia 152
UNIT 12: Malaysia dalam Hubungan Antarabangsa 168

GLOSARI 186
SENARAI RUJUKAN 187
INDEKS 189
CADANGAN JAWAPAN 190

# PENDAHULUAN

Buku teks *Pendidikan Moral Tingkatan 5* Sekolah Menengah ini ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral Tingkatan 5 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Buku ini berteraskan matlamat mata pelajaran Pendidikan Moral untuk membentuk insan berakhlak mulia dan berintegriti yang berpegang pada nilai universal berasaskan prinsip moral dan menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global.

Buku teks ini memberikan fokus pada tiga bidang, iaitu Bidang 5: Insan Bermoral, Bidang 6: Jati Diri Moral dan Bidang 7: Moral dan Kenegaraan. Tiga fokus bidang ini merupakan lanjutan daripada empat bidang yang telah dipelajari semasa murid berada di tingkatan 1, 2 dan 3. Setiap bidang mengandungi unit tertentu yang secara keseluruhannya berjumlah 12 unit.

Bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran, setiap unit mempunyai enam bahagian, iaitu rangsangan, konsep, pengukuhan, pengayaan, pemulihan dan penilaian. Pada akhir buku teks, terdapat halaman glosari, senarai rujukan dan indeks. Bahagian dalam setiap unit adalah seperti yang berikut:




**RANGSANGAN**

Setiap bidang dan unit dimulakan dengan halaman rangsangan. Halaman ini mengandungi maklumat dan gambar bagi memberikan gambaran awal tentang tajuk unit tersebut. Halaman rangsangan pada setiap unit mengandungi tajuk, standard pembelajaran dan cadangan nilai. Gambar pada halaman ini juga boleh dijadikan sebagai bahan set induksi untuk memulakan sesuatu proses pembelajaran dalam unit tersebut.

**KONSEP**

Bahagian ini mengandungi semua standard kandungan dan standard pembelajaran yang telah ditetapkan untuk unit tersebut. Bahagian ini akan membantu murid untuk mengetahui dan memahami kandungan maklumat dalam unit tersebut dengan lebih mendalam.



## PENGUKUHAN

Bahagian ini mengandungi pelbagai aktiviti dan latihan yang dapat mengukuhkan pemahaman murid terhadap kandungan unit yang dipelajari. Bahagian ini akan membantu murid untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran dalam unit tersebut.







## PENGAYAAN

Bahagian ini mengandungi pelbagai aktiviti dan latihan yang mencabar minda murid. Murid boleh meluaskan pengetahuan dan pengalaman serta mengukuhkan kemahiran yang dipelajari dalam unit tersebut.

## PEMULIHAN

Bahagian ini mengandungi pelbagai aktiviti dan latihan yang lebih mudah untuk dilaksanakan oleh murid. Bahagian ini akan membantu murid untuk menguasai kandungan unit dan kemahiran dengan lebih mudah.







## PENILAIAN

Pelbagai bentuk penilaian disediakan pada akhir setiap unit. Bahagian ini akan menguji pemahaman murid melalui soalan struktur dan soalan esei. Soalan penilaian mencakupi semua standard yang ditetapkan dalam DSKP untuk unit tersebut. Terdapat juga aktiviti yang boleh dilaksanakan di luar kelas untuk meningkatkan amalan perlakuan moral.

Penulisan buku teks *Pendidikan Moral Tingkatan 5* menekankan tiga domain moral, iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Ketiga-tiga domain ini diterapkan melalui pelbagai jenis aktiviti dan latihan yang disesuaikan mengikut tahap kecerdasan, kebolehan dan kemahiran murid. Antara aktiviti yang terdapat dalam buku teks ini termasuklah main peranan, pembelajaran berkhidmat (service learning) dan perbahasan.

Aktiviti dan latihan yang terdapat dalam buku teks ini juga boleh memberikan peluang kepada murid untuk berkomunikasi, berkolaboratif dan memberikan maklum balas yang menjurus ke arah pemikiran yang kritis dan kreatif. Murid dapat mengaitkannya dengan kehidupan mereka pada peringkat tempatan mahupun global. Guru juga tidak terikat untuk menggunakan semua aktiviti dan latihan yang terdapat dalam buku ini. Guru boleh memilih dan menyesuaikannya mengikut keupayaan, kebolehan dan keadaan persekitaran murid di dalam kelas masing-masing.

Dengan melakukan pelbagai aktiviti seperti yang dicadangkan dalam buku teks ini, murid berpeluang menguasai pelbagai kemahiran seperti penyelesaian konflik, membuat justifikasi terhadap dilema moral, kajian masa depan serta kemahiran komunikasi dan sosial. Dengan menguasai kemahiran tersebut, murid akan menjadi lebih matang.

Ketiga-tiga domain moral turut dikembangkan bersama-sama dengan penerapan nilai universal dalam pendidikan moral untuk membantu murid membuat keputusan rasional dalam menyelesaikan sesuatu isu. 18 nilai universal tersebut adalah seperti yang di bawah.

| NILAI | MAKSUD |
|---|---|
| Kepercayaan kepada Tuhan | Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara. |
| Baik hati | Kepekaan terhadap keperluan dan kebajikan diri dan orang lain dengan memberikan bantuan serta sokongan moral secara ikhlas. |
| Bertanggungjawab | Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna. |
| Berterima kasih | Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan. |
| Hemah tinggi | Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia. |
| Hormat | Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan institusi sosial. |
| Kasih sayang | Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas. |
| Keberanian | Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah. |
| Kejujuran | Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan. |

| NILAI | MAKSUD |
|---|---|
| Kerajinan | Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu. |
| Kerjasama | Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua. |
| Kesederhanaan | Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain. |
| Toleransi | Bertolak ansur, sabar dan mengawal diri demi kesejahteraan hidup diri dan orang lain. |
| Berdikari | Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung pada orang lain. |
| Harga diri | Berupaya menjaga maruah diri. |
| Kebebasan | Bebas melakukan sesuatu tertakluk pada peraturan dan undang-undang. |
| Patriotisme | Bangga dan taat setia kepada raja dan negara. |
| Rasional | Boleh berfikir berdasarkan alasan atau bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan yang wajar. |

Bagi memenuhi hasrat KSSM untuk melahirkan murid yang mempunyai kemahiran Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21), pelbagai ciri profil murid juga diterapkan dalam aktiviti dan latihan supaya murid berupaya bersaing pada peringkat global. Ciri profil murid tersebut ialah berdaya tahan, mahir berkomunikasi, pemikir, kerja sepasukan, bersifat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, penyayang, prihatin dan patriotik.

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta turut difokuskan dalam penulisan buku teks ini. Aktiviti dan latihan yang disediakan dapat membuka ruang ke arah strategi pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan murid menyertai secara aktif dan interaktif dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

Selain itu, Elemen Merentas Kurikulum (EMK) diterapkan dalam penulisan buku teks ini bagi mengukuhkan kemahiran dan keterampilan murid sebagai modal insan yang berupaya menangani cabaran semasa dan masa depan.

Buku teks ini menyediakan pelbagai maklumat bagi menjanakan pemikiran murid. Yang berikut merupakan penerangan ikon yang digunakan dalam buku ini:



**Dimensi Moral**

Mengandungi soalan yang menguji pemahaman murid dalam menyelesaikan sesuatu situasi yang diberikan dengan menggunakan domain moral, iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral.

**Penaakulan Moral:** Keupayaan mental yang dapat merungkai dan menyelesaikan masalah atau isu moral dengan sebaik-baik mungkin secara autonomi, rasional dan objektif berdasarkan prinsip moral.

**Emosi Moral:** Kesedaran emosi moral melahirkan kepedulian dan hati nurani yang menyebabkan insan berasa gembira apabila membuat sesuatu yang betul dan rasa bersalah jika melakukan sesuatu yang tidak betul. Emosi moral boleh diekspresikan dalam bentuk luahan, perasaan, fikiran, gerak hati dan lain-lain.

**Perlakuan Moral:** Tindakan moral yang berkaitan antara penaakulan moral dengan emosi moral yang dilakukan secara rela hati dengan rasa bertanggungjawab, akauntabiliti dan berintegriti moral. Dengan itu, murid dapat merungkai dan mencari penyelesaian bagi sebarang isu, konflik atau dilema moral yang dihadapi.



**KBAT**

Soalan yang boleh meningkatkan keupayaan, kebolehan dan kemahiran murid berfikir secara kritis dan kreatif, membuat penaakulan serta strategi berfikir yang mantap.



**Nilai Universal**

Merujuk 18 nilai dalam pendidikan moral dan mengandungi soalan yang berkaitan dengan nilai yang diaplikasikan berdasarkan situasi yang diberikan.



**Dilema Moral**

Memberikan fokus kepada situasi yang menimbulkan dilema kepada seseorang untuk membuat pilihan tindakan yang patut dan wajar dalam menyelesaikan situasi tersebut.



**Refleksi**

Membolehkan murid memberikan maklum balas dan menilai diri berdasarkan aktiviti dan latihan yang diberikan di samping pengalaman sedia ada murid.

**Info Tambahan**
Memberikan maklumat tambahan berkaitan dengan topik yang dibincangkan untuk mengukuhkan pemahaman murid.

**Kod QR**
Mengandungi maklumat dalam pelbagai bentuk seperti laman sesawang, video dan lain-lain. Kod QR perlu diimbas menggunakan alat peranti bagi mengetahui maklumat yang terdapat di dalamnya.

**AR**
Mengandungi maklumat dalam bentuk video dan animasi bagi menarik minat murid. Teknologi ini menggabungkan dunia maya dan nyata dalam bentuk 2D dan 3D. Aplikasi *AR DBP Pendidikan Moral Tingkatan 5* boleh dimuat turun daripada aplikasi *Play Store* dan aplikasi *App Store*.

Akhirnya, penulis berharap agar buku ini dapat memberikan pengetahuan, pemahaman dan kemahiran kepada murid. Murid dapat memahami isu moral, membuat keputusan penyelesaian isu berdasarkan prinsip moral, menyuburkan emosi moral ke arah tingkah laku berempati dan adil serta memperkukuh elemen perpaduan dalam diri untuk mewujudkan masyarakat global yang harmoni. Di samping itu, murid berupaya menghayati dan mengamalkan perlakuan bermoral secara bertanggungjawab dan berintegriti. Buku ini juga diharapkan dapat melahirkan murid yang berakhlak mulia dan dapat memberikan sumbangan pada peringkat negara dan global. Semoga hasil penulisan buku teks ini dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.

Mohd Hilmie bin Mohd Mokhtar
Barathi a/p Santhasaran
Anuratha Bai a/p Subramaniam

BIDANG 5



# INSAN BERMORAL

**Bidang Insan Bermoral membincangkan ciri insan bermoral dari aspek norma masyarakat global dan mengupas tentang individu yang bersifat glokal. Selain itu, aspek kerohanian turut diberikan penekanan dalam membentuk individu bermoral. Seterusnya, bidang ini membincangkan penggunaan sumber dan maklumat demi kesejahteraan sejagat.**

# UNIT 1

# NORMA MASYARAKAT GLOBAL MEMBENTUK KEHARMONIAN SEJAGAT



**Dalam unit ini, murid dapat:**

**5.1.1** memberikan maksud norma masyarakat global.
**5.1.2** menjelaskan contoh norma masyarakat global.
**5.1.3** menghuraikan kepentingan amalan norma masyarakat global.
**5.1.4** meramalkan kesan pengabaian norma masyarakat global.
**5.1.5** mengekspresikan perasaan apabila mengamalkan norma masyarakat global.
**5.1.6** mengamalkan sikap menghormati norma masyarakat global dalam kehidupan harian.

# Sejauh manakah anda bersedia menjadi masyarakat global?




### CADANGAN NILAI

- Hormat
- Hemah tinggi
- Rasional
- Kesederhanaan
- Kebebasan

## KONSEP

Masyarakat global merujuk individu dalam komuniti dunia yang saling berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain. Norma masyarakat global boleh ditakrifkan sebagai perlakuan yang ditunjukkan oleh anggota masyarakat dunia berasaskan peraturan sosial yang diterima dan dikongsi bersama.



Amalan norma masyarakat setempat biasanya berlaku dalam lingkungan masyarakat tertentu, wilayah atau negara. Amalan norma masyarakat global pula bersifat universal yang diterima, namun masih berlandaskan agama, kepercayaan dan bangsa. Yang berikut ialah beberapa contoh norma masyarakat global:



## CONTOH NORMA MASYARAKAT GLOBAL

**Ekonomi**
- Pembelian tanpa tunai
- Penerimaan mata wang yang standard
- Transaksi dalam talian

**Sosiobudaya**
- Menyantuni masyarakat global
- Bangga dan mengutamakan jati diri negara asal
- Menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian adat dan tradisi

**Kelestarian alam sekitar**
- Budaya mesra alam
- Pembangunan terancang
- Pengurusan isu alam sekitar global secara sistematik

**Peraturan dan undang-undang**
- Menghormati hak asasi manusia
- Melindungi hak asasi manusia
- Mematuhi peraturan dan undang-undang antarabangsa

**Kesihatan**
- Perkongsian kepakaran perubatan seluruh dunia
- Penyelidikan dan pembangunan produk dan ubat-ubatan
- Kerjasama dalam pengawalan penyakit berjangkit

**Teknologi**
- Inovasi dan penciptaan alat teknologi baharu
- Jalinan dan jaringan telekomunikasi yang merapatkan jurang digital
- Penggunaan barangan dan perkakasan canggih dalam kehidupan

1

Norma masyarakat global amat penting kepada semua pihak bagi membentuk sebuah masyarakat yang menghormati hak manusia dan menghayati nilai universal. Amalan norma masyarakat global dalam kehidupan harian menjadikan sesebuah masyarakat lebih sejahtera dan harmoni. Antara kepentingan amalan norma masyarakat global termasuklah perkara seperti yang di bawah:

## KEPENTINGAN AMALAN NORMA MASYARAKAT GLOBAL

**Meningkatkan ekonomi global**

- Dapat merangsang pasaran ekonomi global
- Dapat menggalakkan penglibatan masyarakat global dalam aktiviti ekonomi

**Membentuk tingkah laku masyarakat global yang berperikemanusiaan**

- Dapat mengukuhkan persefahaman budaya masyarakat global
- Bertingkah laku mengikut peraturan dan undang-undang antarabangsa

**Meningkatkan penguasaan teknologi dalam masyarakat global**

- Penyebaran dan perkongsian ilmu terkini lebih pantas dan efisien
- Dapat meningkatkan tahap komunikasi antara masyarakat global

**Memartabatkan hak asasi manusia dan kelestarian alam sekitar global**

- Dapat melahirkan masyarakat yang lebih prihatin dan penyayang sesama manusia dan alam sekitar
- Dapat mewujudkan perpaduan masyarakat global

Penghayatan dan pengamalan norma masyarakat global akan mewujudkan suasana masyarakat dunia yang aman dan harmoni. Lantaran itu, pengabaian norma masyarakat global sememangnya akan memberikan kesan yang negatif kepada dunia. Antaranya termasuklah kesan seperti yang berikut:




Setiap anggota masyarakat global perlulah mempunyai nilai hormat, hemah tinggi dan rasional dalam kehidupan. Selain itu, anggota masyarakat global juga patut mengamalkan nilai kesederhanaan dan kebebasan yang tidak menjejaskan keharmonian sejagat. Amalan norma masyarakat global yang dihayati akan melahirkan rasa bangga dan gembira dalam setiap tindakan yang dilakukan.

## PENGUKUHAN

**A Gambar di bawah menunjukkan norma masyarakat global.**



Bantuan kemanusiaan



Kepakaran perubatan dan kesihatan



Kelestarian alam sekitar

Berdasarkan gambar di atas, bincangkan:

1. Contoh norma masyarakat global.
2. Kepentingan amalan norma masyarakat global.

Jelaskan perasaan anda sekiranya terlibat dalam aktiviti yang dipaparkan dalam gambar.

**B** **Secara berkumpulan, adakan satu diskusi ilmu yang bertajuk "Remaja dan Norma Masyarakat Global".**

## INTI PATI DISKUSI ILMU



Contoh amalan norma masyarakat global yang boleh diamalkan oleh remaja dalam kehidupan harian

Kepentingan amalan norma masyarakat global kepada remaja

Kesan pengabaian norma masyarakat global kepada remaja

**C** **Dengan menggunakan pelbagai sumber, dapatkan maklumat lain tentang contoh norma masyarakat global. Bentangkan maklumat tersebut dengan kreatif, kemudian pamerkannya di Sudut Pendidikan Moral.**

### REFLEKSI

Adakah anda mengamalkan sikap norma masyarakat global dalam kehidupan harian? Jelaskan.

Pengamalan norma masyarakat global boleh menggugat norma masyarakat setempat. Cerakinkan.

1

**D** **Secara berkumpulan, bincangkan norma masyarakat global dalam setiap kad situasi di bawah. Kongsikan jawapan anda dengan kumpulan lain.**

**1 KAD SITUASI**

Andrew baru pulang dari luar negara setelah lama menetap di sana. Ketika di Malaysia, dia berasa agak janggal untuk menanggalkan kasut sebelum masuk ke dalam rumahnya.

**2 KAD SITUASI**

Ah Chong dan rakan-rakannya merancang percutian ke Thailand untuk menyertai Pesta Songkran.

**3 KAD SITUASI**

Takahashi Ketsuke berasal dari negara Jepun. Dia akan menundukkan kepala sebagai tanda hormat kepada orang lain ketika berjumpa, berterima kasih, mengucapkan tahniah, meminta pertolongan dan memohon maaf.

Bagaimanakah pertimbangan moral dapat membantu anda mengamalkan sikap menghormati norma masyarakat global dalam kehidupan harian?

## DILEMA MORAL

Jiran anda yang berasal dari luar negara mengundang anda sekeluarga menghadiri majlis makan malam yang diadakan di rumahnya. Ibu anda tidak membenarkan anda menghadirinya kerana berasa kurang selesa dengan perbezaan budaya. Anda pula telah bersetuju untuk menghadiri majlis tersebut. Bagaimanakah anda menggunakan domain dimensi moral dalam menyelesaikan dilema ini? Justifikasikan jawapan anda.



5.1.2, 5.1.3, 5.1.4, 5.1.5, 5.1.6

## PENGAYAAN

**A** Laksanakan aktiviti Jalan Galeri (Gallery Walk) berkaitan dengan sambutan tahun baharu di beberapa buah negara di dunia. Setiap kumpulan dikehendaki membandingkan sambutan tahun baharu antara Malaysia dengan negara lain.



Contoh sambutan tahun baharu

## REFLEKSI

Bagaimanakah kepelbagaian sambutan tahun baharu dapat membentuk diri anda untuk mengamalkan norma masyarakat global?

1

## PEMULIHAN

**A** **Bincangkan cara norma masyarakat global merealisasikan kempen "Earth Hour" seperti dalam gambar di bawah.**



Sebelum kempen "Earth Hour"



Semasa kempen "Earth Hour"

1. Apakah kepentingan kempen "Earth Hour" dalam kelestarian alam sekitar?
2. Ramalkan kesan sekiranya anggota masyarakat global tidak mengamalkan penjimatan tenaga elektrik dalam kehidupan.
3. Bagaimanakah kempen "Earth Hour" dapat dilaksanakan di sekolah?

## INFO TAMBAHAN

"Earth Hour" ialah kempen yang digerakkan oleh World Wide Fund for Nature (WWF) bagi mencetuskan kesedaran tentang perlunya kita bertindak untuk menyelamatkan bumi. Aktiviti semasa kempen "Earth Hour" ialah tindakan menutup semua suis elektrik selama satu jam untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat dunia tentang kesan pemanasan global dan perubahan iklim kepada bumi.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada https://www.earthhour.org)
Dicapai pada 13 April 2020

**B** **Hasilkan karya kreatif yang bertemakan norma masyarakat global yang bersesuaian dengan konteks Malaysia. Karya kreatif mestilah dihasilkan daripada bahan kitar semula.**

## PANDUAN MENGHASILKAN KARYA KREATIF NORMA MASYARAKAT GLOBAL

(i) Cari maklumat berkaitan dengan norma masyarakat global yang bersesuaian dengan konteks Malaysia melalui pelbagai media. Persembahkan maklumat tersebut dengan kreatif dan menarik.

(ii) Kenal pasti beberapa situasi yang menggambarkan norma masyarakat global yang bersesuaian dengan konteks Malaysia.

(iii) Berikan ulasan tentang norma masyarakat global yang bersesuaian dengan konteks Malaysia.

(iv) Kongsikan hasil karya kreatif anda di dalam kelas.




### NILAI UNIVERSAL

Huraikan nilai yang perlu anda amalkan sebagai anggota masyarakat global.

## PENILAIAN

**A** **Perhatikan gambar di bawah yang berkaitan dengan kelestarian alam sekitar dalam amalan norma masyarakat global.**

Gambar A



Penghasilan produk berasaskan bahan kitar semula

Gambar B



Penghasilan produk berasaskan sumber haiwan

1. Bagaimanakah amalan dalam gambar A menyumbang kepada kelestarian alam sekitar secara global?
2. Ramalkan kesan jika pengabaian norma masyarakat global berlaku seperti dalam gambar B.
3. Ekspresikan perasaan anda apabila berhadapan dengan norma masyarakat global berdasarkan gambar A dan gambar B.
4. Cadangkan cara anda mengamalkan norma masyarakat global dalam melestarikan alam sekitar.

**B** **Sejauh manakah amalan nilai universal dapat memantapkan norma masyarakat global dalam kehidupan harian?**

**C** **Secara berkumpulan, hasilkan e-kempen tentang kesedaran menghormati norma masyarakat global dalam kehidupan harian.**

## BUAT BAIK DIBALAS BAIK



Membantu golongan Orang Kurang Upaya (OKU)



Membantu meringankan tugas rakan



Membantu rakan dalam kesusahan

1. Sebarkan e-kempen anda dengan menggunakan pelbagai aplikasi dalam talian.
2. Cadangkan tindakan yang boleh dilakukan bagi mengurangkan konflik antara norma masyarakat setempat dengan norma masyarakat global. Berikan jawapan dengan justifikasi yang sesuai.

# UNIT 2 UKIR NAMA DI MATA DUNIA, JATI DIRI BERPISAH TIADA




**Dalam unit ini, murid dapat:**

**5.2.1** menjelaskan ciri individu glokal.
**5.2.2** mengenal pasti sikap individu glokal.
**5.2.3** menghuraikan kepentingan menjadi individu glokal.
**5.2.4** meramalkan kesan sekiranya individu tidak bersikap glokal.
**5.2.5** mengekspresikan perasaan apabila bertindak sebagai individu glokal.
**5.2.6** mengamalkan sikap individu glokal dalam kehidupan harian.

**Bahasaku global, jati diriku glokal. Bersetujukah anda?**



**CADANGAN NILAI**

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Hemah tinggi
- Harga diri
- Toleransi
- Patriotisme

## KONSEP

Glokal ialah satu istilah yang digabungkan daripada perkataan global dan lokal. Perkataan global pada dasarnya membawa maksud sejagat, manakala perkataan lokal membawa maksud setempat. Individu glokal bermaksud seseorang yang mampu berdaya saing pada peringkat global tetapi berakar umbi atau berpegang teguh pada jati diri lokal, iaitu tempat tumpah darah sendiri. Terdapat beberapa ciri individu glokal seperti yang di bawah:



### CIRI INDIVIDU GLOKAL

**Berdaya saing**

- Mampu bersaing pada peringkat lokal dan global
- Memberikan idea yang mencerminkan wawasan bertaraf glokal

**Jaringan dan jalinan glokal yang baik**

- Menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian budaya lokal dan global
- Mempunyai hubungan yang baik dan mampu berkomunikasi pada peringkat lokal dan global

**Jati diri kukuh**

- Menyesuaikan diri dengan perubahan dunia tanpa mengabaikan jati diri
- Berfikiran positif dan optimis

**Kemahiran teknologi maklumat**

- Mampu mengadaptasi teknologi maklumat mengikut peredaran masa
- Mengelakkan penyalahgunaan teknologi maklumat yang menggugat jati diri

Individu glokal mampu menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang terkini berasaskan nilai universal. Oleh itu, individu yang baik, inovatif, kreatif, dinamik dan berdaya saing pada peringkat global dapat dilahirkan. Antara sikap individu glokal termasuklah contoh seperti yang berikut:

## SIKAP INDIVIDU GLOKAL



Individu glokal yang dihasratkan ialah seseorang yang mempunyai ideologi tempatan dan antarabangsa dalam mengurus kehidupan harian. Sikap glokal merupakan satu aspek penting pada masa ini untuk menghadapi dunia yang semakin mencabar. Yang berikut ialah kepentingan menjadi individu glokal:

## KEPENTINGAN MENJADI INDIVIDU GLOKAL



### Membentuk individu yang kreatif dan inovatif

- Dapat melahirkan individu yang mempunyai sikap dan pemikiran yang berkualiti tinggi
- Berilmu dan berkemahiran dalam membuat keputusan

### Meningkatkan imej negara di persada dunia

- Mampu bersaing dengan dunia luar
- Mencapai prestasi yang cemerlang

### Menghadapi cabaran glokal

- Mampu mengekalkan identiti lokal
- Kemampuan menghadapi cabaran global

### Melestarikan pembangunan negara dan modal insan

- Dapat memberikan sumbangan yang progresif dalam pembangunan negara
- Berfikiran di luar kotak dari segi ilmu, tindakan, disiplin dan wawasan

Individu glokal amat diperlukan dalam dunia kini. Individu yang tidak bersikap glokal pula akan menghadapi kesan dan cabaran dalam perkembangan diri dan pembangunan negara. Jika seseorang individu tidak bersikap glokal, maka wujudlah kesan seperti yang di bawah:

## KESAN SEKIRANYA INDIVIDU TIDAK BERSIKAP GLOKAL

- Mudah terpengaruh dengan budaya luar
- Transformasi kemajuan negara terjejas
- Kepakaran dan kemahiran yang terhad dalam bidang yang diceburi
- Kesukaran bersaing dan berkomunikasi dengan dunia luar
- Hilang nilai, etika dan jati diri dalam mengejar arus globalisasi
- Kurang kemampuan untuk menghadapi masalah secara holistik
- Kesukaran menerima kepelbagaian sosiobudaya

Sikap glokal dalam diri seseorang mampu menyemai nilai harga diri dan memantapkan nilai patriotisme. Pemantapan sikap ini dapat melahirkan perasaan bangga, bersyukur dan gembira dalam diri setiap individu.

2

## PENGUKUHAN

**A** **Secara berkumpulan, bincangkan isu di bawah mengikut contoh yang diberikan. Kemudian, lakukan aktiviti Utusan (Envoys) berdasarkan hasil perbincangan tersebut.**

**Isu:**

| | | |
|---|---|---|
| **Pemilihan kerjaya** | **Amalan adat dan kepercayaan** | **Migrasi** |
| **Budaya berpakaian** | **Seni dan muzik** | **Jaringan sosial** |

**Contoh Isu: Pemilihan Kerjaya**

| **Jika berada di negara asal (Individu lokal)** | | **Jika berada di negara luar (Individu global)** | |
|---|---|---|---|
| Kebaikan | Kelemahan | Kebaikan | Kelemahan |
| Dapat menyumbang kepakaran dalam negara | Tidak dapat mempelajari ilmu baharu dari luar | Dapat membanggakan negara pada peringkat dunia | Kemungkinan terpengaruh dengan budaya negatif |
| **KEPUTUSAN PILIHAN SEBAGAI INDIVIDU GLOKAL** | | | |

**CARA PELAKSANAAN:**

1. Seorang "utusan" dari setiap kumpulan akan bergerak masuk ke dalam kumpulan lain untuk membentangkan hasil perbincangan mereka.
2. Kumpulan yang mendengar boleh memberikan pandangan mereka tentang isu tersebut.
3. Ulangi langkah di atas dengan kumpulan lain.
4. "Utusan" akan kembali kepada kumpulan asal dan memberikan maklum balas daripada kumpulan lain.
5. Bentangkan rumusan kumpulan anda di hadapan kelas.

Individu glokal lebih berjaya berbanding dengan individu global. Bincangkan.



5.2.1, 5.2.2, 5.2.3, 5.2.4

**B** **Secara berkumpulan, laksanakan aktiviti di bawah dengan menggunakan pendekatan pembelajaran konstruktivisme.**

**CARA PELAKSANAAN:**

1. Satu isu diberikan kepada setiap kumpulan.
2. Cari maklumat daripada Internet.
3. Kenal pasti sikap individu glokal dalam menyelesaikan isu yang dipilih.
4. Bentangkan cara penyelesaian secara kreatif.

**Cadangan isu:**

| | | |
|---|---|---|
| Alam sekitar | Kepadatan perumahan | Sektor pengangkutan |
| Penyakit berjangkit | Cabaran integriti | Sektor pelancongan |

**Contoh Pendekatan Pembelajaran Konstruktivisme**

**Isu:** Alam sekitar (kaedah mesra alam)

| Pengetahuan Sedia Ada (Pengetahuan lokal) | Pengetahuan Baharu (Pengetahuan global) | Gabung (Glokal) | Kebaikan |
|---|---|---|---|
| • Kempen mesra alam<br>• Bebas plastik<br>• Baja organik<br>• Penggunaan sistem solar<br>• Program kitar semula | • Polisi alam sekitar yang tegas<br>**Contoh:**<br>Insentif kepada organisasi yang bekerjasama dalam mengekalkan kehijauan<br>• Pemulangan cukai bahan plastik<br>**Contoh:**<br>Cukai untuk barang plastik akan dikembalikan apabila dikitar semula | • Polisi mesra alam<br>**Contoh:**<br>Insentif kepada syarikat yang berjaya mengamalkan kaedah mesra alam<br>• Mengenakan cukai pelepasan asap<br>• Mesin kitar semula | • Menggalakkan kaedah mesra alam secara konvensional<br>• Memudahkan rakyat untuk melaksanakan kitar semula<br>• Mengurangkan pencemaran alam |

2

## PENGAYAAN

**A** **Lakukan aktiviti "Stesen Radio" di sekolah anda dengan tema "Insan Glokal Keperluan Negara".**

Anda boleh menggunakan waktu perhimpunan, waktu rehat atau waktu lain yang sesuai untuk melakukan aktiviti ini dengan menggunakan sistem siar raya.

**Cadangan program:**
- Sesi temu bual dengan guru yang berjaya pada peringkat antarabangsa.
- Sesi diskusi tentang individu glokal.
- Pidato atau nyanyian bertemakan individu glokal.
- Sesi kongsi pendapat tentang isu "Belajar di Luar Negara Boleh Mengurangkan Jati Diri Murid".

## DIMENSI MORAL

Bincangkan pernyataan tentang "insan glokal keperluan negara" berdasarkan domain dimensi moral.

## DILEMA MORAL

Cleverson, pereka fesyen muda yang sentiasa mengetengahkan konsep ketimuran dalam rekaannya. Dia terharu kerana telah terpilih buat kali pertama mewakili negara ke pertandingan fesyen antarabangsa. Namun begitu, pihak penganjur mewajibkan konsep moden dalam pertandingan tersebut. Cleverson berada dalam dilema kerana bimbang nilai ketimuran dalam rekaannya tidak dapat ditonjolkan. Andaikan anda Cleverson, apakah tindakan anda? Berikan justifikasi anda.



**5.2.2, 5.2.4, 5.2.5, 5.2.6**

**B** **Yang berikut ialah beberapa jenis makanan dari luar negara yang sangat diminati oleh rakyat Malaysia:**



*Churros*



*Bibimbap*



*Pizza*



*Sushi*

1. Senaraikan makanan Malaysia yang diminati di luar negara. Kongsikan maklumat tersebut bersama-sama dengan rakan anda.
2. Sebagai individu glokal, anda dikehendaki mempromosikan makanan Malaysia yang terkenal di persada dunia. Secara berkumpulan:
   (i) Cipta resipi inovasi makanan yang sedia ada di negara kita untuk disesuaikan dengan negara luar.
   (ii) Promosikan resipi glokal anda melalui pelbagai aplikasi media.

**NILAI UNIVERSAL**

Huraikan kepentingan nilai universal dalam mengekalkan sikap individu glokal. Bincangkan.

Inovasi makanan boleh menghilangkan keaslian identiti makanan tempatan. Bahaskan.

**REFLEKSI**

Perkhidmatan penghantaran makanan menjadi popular dalam kalangan masyarakat Malaysia. Bincangkan.

**5.2.1, 5.2.2, 5.2.3, 5.2.6**

## PEMULIHAN

**A** **Secara berkumpulan, laksanakan permainan “Siapa Cepat Dia Dapat”.**

### CARA PELAKSANAAN

1. Agihkan kelas kepada dua kumpulan besar yang sama banyak.
2. Kedua-dua kumpulan mengambil tempat di hujung garisan secara bertentangan.
3. Murid pertama setiap kumpulan bergerak selepas wisel ditiupkan, kemudian berhenti di tempat kedua-duanya bertemu.
4. Guru akan mengemukakan soalan dengan menggunakan kad soalan yang disediakan.
5. Murid yang menjawab dahulu akan menunjukkan isyarat keluar kepada kumpulan lawan dan akan mula bergerak ke hadapan.
6. Murid baharu kumpulan lawan akan mula bergerak masuk sebaik sahaja rakannya keluar.
7. Ulangi langkah 3, 4, 5 dan 6 sehingga ada murid yang berjaya sampai di penghujung garisan. 10 mata akan diperoleh oleh kumpulan tersebut.
8. Permainan diulangi sehingga semua murid selesai menjawab soalan.

Nota: Sekiranya murid daripada kedua-dua kumpulan tidak dapat menjawab soalan, mereka akan terkeluar daripada permainan secara automatik.








1. Ceritakan pengalaman anda menyertai permainan ini.
2. Apakah perasaan anda apabila berjaya mengetahui tentang individu glokal?

**B** **Secara berpasangan, bincangkan situasi di bawah.**

Wani, murid cemerlang dalam pelajaran dan sentiasa mengamalkan sikap bersopan santun dalam kehidupannya. Wani mendapat peluang untuk melanjutkan pelajaran di luar negara. Dia mula menyesuaikan dirinya dengan perubahan di tempat baharu. Dia berpendapat tidak salah jika dia mengikut budaya di tempat tersebut. Wani juga selalu dipujuk oleh rakannya untuk mengubah cara berpakaian dan gaya hidupnya. Jika anda Wani, bincangkan tindakan anda.

Contoh kad soalan

5.2.1, 5.2.2, 5.2.3, 5.2.5, 5.2.6

## PENILAIAN

**A** **Poster di bawah menunjukkan program kebudayaan anjuran kerajaan yang menggabungkan pelbagai budaya antarabangsa.**




(Sumber: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara)

1. Bagaimanakah program seperti dalam poster dapat memupuk sikap glokal dalam kalangan masyarakat?
2. Huraikan kesan sekiranya sikap glokal diketepikan dalam budaya masyarakat tempatan.
3. Cerakinkan cabaran untuk mengekalkan sikap glokal dalam diri.

**B** **Penguasaan pelbagai bahasa menjadikan seseorang individu lebih glokal. Bincangkan.**

**C** **Secara berkumpulan, laksanakan pertandingan kebudayaan antara budaya tempatan dengan budaya antarabangsa.**

**CARA PELAKSANAAN:**

1. Bentukkan beberapa kumpulan kecil.
2. Tetapkan tema pertandingan sama ada pakaian, muzik atau tarian.
3. Setiap kumpulan boleh memilih budaya tempatan atau budaya antarabangsa berdasarkan tema yang ditetapkan.
4. Pertandingan kebudayaan antara budaya tempatan dengan budaya antarabangsa akan dilaksanakan mengikut tema yang ditetapkan.
5. Pertandingan kebudayaan ini boleh dilaksanakan pada peringkat kelas atau sekolah.

2



Contoh muzik antarabangsa



Contoh tarian tempatan

Adakah anda bersetuju bahawa keunikan negara sendiri harus dikekalkan walaupun budaya global menular dalam kehidupan generasi kini? Berikan alasan anda.

Contoh borang penilaian pertandingan

# UNIT 3
# KEROHANIAN MEMBENTUK INDIVIDU BERMORAL



**Dalam unit ini, murid dapat:**

**5.3.1** menyenaraikan ciri individu yang mempunyai nilai kerohanian.
**5.3.2** menjelaskan cara meningkatkan nilai kerohanian.
**5.3.3** menghuraikan kepentingan nilai kerohanian bagi membentuk individu bermoral.
**5.3.4** meramalkan implikasi pengabaian nilai kerohanian dalam diri individu.
**5.3.5** mengekspresikan perasaan apabila menghayati nilai kerohanian.
**5.3.6** mengamalkan nilai kerohanian dalam kehidupan harian.



## Bagaimanakah aspek kerohanian membentuk individu bermoral?





**CADANGAN NILAI**

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kasih sayang
- Bertanggungjawab
- Baik hati
- Hormat

## KONSEP

Kerohanian merupakan asas dalam kehidupan individu. Elemen kerohanian seperti kebenaran, kedamaian dan kasih sayang menjadi asas dalam pembentukan individu bermoral.

Masyarakat yang mempunyai pegangan agama atau kepercayaan meyakini bahawa nilai kerohanian dapat membantu dalam pembentukan individu bermoral. Yang berikut ialah ciri individu yang mempunyai nilai kerohanian:




3

Perkembangan emosi dan sosial yang sihat juga berkait rapat dengan nilai kerohanian. Terdapat beberapa cara meningkatkan nilai kerohanian dalam diri setiap individu.

## CARA MENINGKATKAN NILAI KEROHANIAN

| | |
|---|---|
| **Menjadikan ajaran agama atau kepercayaan sebagai panduan hidup** | • Mempelajari dan mengamalkan tuntutan agama atau kepercayaan dalam kehidupan harian |
| **Menerima kepelbagaian bangsa** | • Menjaga hubungan baik sesama manusia |
| **Melindungi alam sekitar** | • Menjaga keseimbangan flora dan fauna |
| **Menjalani kehidupan yang benar dari aspek pemikiran, perasaan dan perlakuan** | • Mengamalkan nilai kerohanian dalam kehidupan |
| **Mentaati ibu bapa** | • Bersikap baik terhadap ibu bapa |
| **Menjauhkan diri daripada gejala negatif** | • Melakukan aktiviti yang berfaedah |

3

Nilai kerohanian amat penting dalam pembentukan individu bermoral. Dengan nilai kerohanian, individu dapat membezakan yang baik dengan yang buruk dalam pemikiran, perasaan dan tindakan. Antara kepentingan nilai kerohanian bagi membentuk individu bermoral termasuklah perkara seperti yang di bawah:

## KEPENTINGAN NILAI KEROHANIAN BAGI MEMBENTUK INDIVIDU BERMORAL

**Membentuk insan yang berkeperibadian mulia**
- Disayangi dan dihormati oleh orang lain

**Mengelakkan individu daripada melakukan perkara yang ditegah oleh agama**
- Hidup lebih harmoni dan sejahtera

**Melahirkan individu yang berfikiran rasional**
- Keputusan yang dibuat betul dan tepat

**Menjadi suri teladan**
- Inspirasi kepada orang lain

Sehubungan dengan itu, jelaslah nilai kerohanian amat penting diterapkan dalam diri. Namun begitu, dalam mengejar arus kemodenan, nilai kerohanian semakin dilupakan oleh generasi muda. Pengabaian nilai kerohanian dalam diri akan memberikan implikasi dalam kehidupan harian.




Nilai kerohanian merupakan asas dalam pembentukan individu bermoral. Individu bermoral perlu mengamalkan nilai kepercayaan kepada Tuhan, hormat dan baik hati dalam kehidupan harian. Amalan nilai kerohanian juga melahirkan sikap kasih sayang dan bertanggungjawab dalam diri individu. Oleh hal yang demikian, individu bermoral akan sentiasa bersyukur, gembira dan bangga dalam kehidupan.

## PENGUKUHAN

**A** **Teliti cerita tentang nilai kerohanian dalam hubungan kekeluargaan di bawah.**

3




















Secara berkumpulan, jawab soalan berdasarkan cerita di atas.

1. Berikan komen anda tentang cerita tersebut.
2. Merujuk gambar 3, wajarkah tindakan anak dalam cerita tersebut?
3. Bincangkan ciri individu yang mempunyai nilai kerohanian yang terdapat dalam cerita tersebut.

**DIMENSI MORAL**

Bagaimanakah anda mengurus emosi moral sekiranya berada dalam situasi seperti cerita yang di atas?

**B** **Laksanakan aktiviti Sumbang Saran (Brainstorming) tentang pengabaian nilai kerohanian dalam diri individu berdasarkan situasi dalam gambar di bawah.**



Bagaimanakah nilai kerohanian dalam diri dapat membantu golongan banduan muda terus berjaya dalam hidup?





Ramalkan kesan sekiranya aspek kerohanian diabaikan terhadap golongan ini.

Mengapakah nilai kerohanian penting dalam meningkatkan jati diri manusia?

**REFLEKSI**

Pada pandangan anda, wajarkah golongan ini diberikan bantuan? Justifikasikan jawapan anda.



5.3.2, 5.3.3, 5.3.4

## PENGAYAAN

**A Teliti pendapat di bawah. Kemudian, laksanakan aktiviti Pusingan Robin (Round Robin) untuk membincangkan pendapat tersebut.**



### KEMODENAN DAN SIKAP GENERASI PADA MASA INI

Generasi muda pada masa ini kebanyakannya bersikap individualistik dan materialistik. Terdapat juga antara mereka yang tidak berbudi bahasa, tidak beradab sopan dan tidak berkeperibadian mulia. Mereka lebih mementingkan keseronokan hingga lupa akan nilai kerohanian. Ke manakah hala tuju mereka kelak?



1. Berikan pandangan anda tentang pendapat tersebut.
2. Sekiranya nilai kerohanian diabaikan, apakah implikasinya terhadap keperibadian individu?
3. Terangkan peranan masyarakat untuk memupuk nilai kerohanian dalam diri generasi muda.

Individu bermoral perlu mengimbangi nilai kerohanian dan nilai kebendaan dalam kehidupan. Berikan justifikasi anda.

## DILEMA MORAL

Yenty Onovai merupakan anak tunggal seorang jutawan terkenal di dunia. Bapanya ingin mewariskan perniagaan kepadanya. Walau bagaimanapun, Yenty Onovai telah memberitahu hasratnya untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kerohanian. Hasrat Yenty Onovai ditentang oleh bapanya. Sekiranya anda Yenty Onovai, apakah pilihan anda? Berikan justifikasi anda.

**B** **Baca dan fahami coretan di bawah.**

## *Coretanku*

**15 Januari 2015**

- Aku menerima seorang murid bernama Lunjin Unggam. Wajahnya muram. Salamku tidak disambut. Aku membelek fail peribadinya. Dia dari sebuah sekolah pemulihan akhlak, namun mempunyai sahsiah terpuji.
- Aku membawa Lunjin Unggam ke kelas dan menempatkannya di hadapan meja guru.

**20 April 2015**

- Aku menerima sepucuk surat daripada Lunjin Unggam yang menceritakan kisah silamnya. Aku terkejut dan terdiam seketika. Lunjin Unggam meminta ceritanya dirahsiakan.

**20 Jun 2015**

- Aku mendapati Lunjin Unggam bijak dalam subjek Matematik dan Matematik Tambahan. Dia juga seorang yang rajin, bersopan santun dan rajin beribadat. Namun begitu, dia agak pendiam dan kurang bergaul dengan orang lain.

**15 Mac 2016**

- Lunjin Unggam mendapat keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2015. Ucapan terima kasih akhirnya terpacul daripada mulut Lunjin Unggam kepadaku. Terkelu aku mendengar ucapan terima kasih daripadanya.

3

**25 Jun 2016**

- Lunjin Unggam mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

**22 Ogos 2016**

- Sebelum berangkat untuk melanjutkan pelajaran, Lunjin Unggam datang ke sekolah menemuiku dan meluahkan perasaannya. Dia bangga kerana dapat merealisasikan impian ibu bapanya. Baru aku sedar, selama ini diriku menjadi tempat untuknya menumpang kasih sayang. Aku berasa terharu. Semoga Lunjin Unggam terus berjaya.

**16 Mei 2020**

- Aku menerima kad ucapan daripada Lunjin Unggam. Ucapan penghargaan yang tertulis pada kad tersebut akan terus kukenang. Kini, Lunjin Unggam berjaya menjadi jurutera di sebuah syarikat cari gali minyak dan gas di luar negara.

Secara berkumpulan, bincangkan soalan di bawah.

1. Jelaskan perasaan anda setelah membaca coretan di atas.
2. Apakah pengajaran kisah ini?
3. Bagaimanakah amalan nilai kerohanian dapat mengubah corak hidup remaja agar lebih berjaya dalam kehidupan?

**DIMENSI MORAL**

Bagaimanakah perlakuan moral dapat mengubah masa depan remaja tersebut?

## PEMULIHAN

**A** **Secara berpasangan, kumpulkan keratan akhbar yang mengandungi maklumat tentang ciri kerohanian.**




1. Hasilkan persembahan multimedia yang merangkumi perkara di bawah:
   (i) Ciri nilai kerohanian
   (ii) Pengabaian nilai kerohanian
   (iii) Implikasi pengabaian nilai kerohanian kepada diri, keluarga dan negara
2. Buat rumusan, kemudian bentangkannya di dalam kelas.

**B** **Laksanakan aktiviti Tanda Bicara (Talking Chips) tentang kesan budaya negatif yang menggugat aspek kerohanian remaja kini.**

### NILAI UNIVERSAL

Sejauh manakah nilai universal membantu untuk meningkatkan nilai kerohanian dalam kehidupan?

Tanda Bicara (Talking Chips)

3

## PENILAIAN

**A** **Tajuk berita dalam talian di bawah memaparkan masalah sosial yang berlaku dalam kalangan remaja.**

**Pelajar dipukul hampir dua jam**

**Murid trauma dibuli rakan**

**Pelajar perempuan tingkatan tiga ditahan kerana penyalahgunaan dadah**

**Ketagihan vape dalam kalangan remaja**

1. Jelaskan perasaan anda setelah membaca tajuk berita di atas.
2. Bagaimanakah nilai kerohanian dapat mengelakkan remaja daripada terjebak dengan gejala negatif?
3. Ramalkan kesan lain yang berlaku sekiranya remaja mengabaikan nilai kerohanian dalam kehidupan.

**B** **Jawab soalan esei di bawah.**

Sejauh manakah amalan nilai kerohanian mampu meningkatkan kesedaran remaja dalam melengkapkan diri sebagai individu bermoral?

**C** **Secara berkumpulan, laksanakan sesi temu bual dengan tokoh yang banyak berjasa di kawasan tempat tinggal anda.**

**Panduan temu bual:**

1. Latar belakang tokoh:
   - Portfolio atau bidang yang diceburi
     Contoh: pendidikan, sukan, kebudayaan
   - Sumbangan yang diberikan
     Contoh: sumbangan dalam pembangunan bidang, sumbangan kepada masyarakat
   - Cabaran yang dihadapi
     Contoh: jenis cabaran dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan
2. Setiap kumpulan diminta membuat ulasan hasil daripada temu bual dengan memfokuskan perkara berikut:
   - Ciri yang dimiliki oleh tokoh tersebut dari aspek nilai kerohanian.
   - Kepentingan nilai kerohanian pada tokoh tersebut dalam membentuk individu bermoral.



**D** **Berdasarkan hasil temu bual, sediakan biografi ringkas tentang tokoh tersebut. Kemudian, tampalkannya di Sudut Pendidikan Moral di dalam kelas.**

# UNIT 4 PENGGUNAAN SUMBER DAN PENYEBARAN MAKLUMAT DEMI KESEJAHTERAAN SEJAGAT




**Dalam unit ini, murid dapat:**

**5.4.1** menyenaraikan contoh sumber dan maklumat yang sahih demi kesejahteraan sejagat.

**5.4.2** mengenal pasti tatacara menggunakan sumber dan penyebaran maklumat demi kesejahteraan sejagat.

**5.4.3** menghuraikan penggunaan sumber dan penyebaran maklumat yang menggugat kesejahteraan sejagat.

**5.4.4** mencerakinkan implikasi penggunaan sumber dan penyebaran maklumat yang menjejaskan kesejahteraan sejagat.

**5.4.5** mengekspresikan perasaan apabila menggunakan sumber dan menyebarkan maklumat dalam kehidupan harian demi kesejahteraan sejagat.

**5.4.6** menggunakan sumber dan menyebarkan maklumat dalam kehidupan harian demi kesejahteraan sejagat.

SEBENARNYA.MY
Tidak Pasti Jangan Kongsi

## Adakah setiap maklumat yang diterima wajar ditularkan?




Portal SEBENARNYA.MY ialah pusat sehenti bagi rakyat Malaysia untuk menyemak dan melapor berita yang tidak ditentusahkan, yang diterima secara dalam talian melalui platform media sosial, perkhidmatan mesej segera, blog, laman sesawang, dan lain-lain.

Dengan adanya portal ini diharap gejala penularan berita palsu dalam talian yang boleh memberikan kesan kepada masyarakat dan negara, dapat ditangani dengan berkesan.

(Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

Hak milik © 2000-2017 - Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC

### CADANGAN NILAI

- Rasional
- Kejujuran
- Berdikari
- Kebebasan
- Hormat

## KONSEP

Penggunaan sumber dan penyebaran maklumat mestilah berdasarkan peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Penyebaran maklumat yang sahih dapat menjamin kesejahteraan sejagat. Oleh itu, setiap individu perlulah memastikan maklumat yang diterima dan hendak disebarkan itu merupakan maklumat yang sahih serta daripada sumber yang boleh dipercayai. Terdapat beberapa contoh sumber dan maklumat yang sahih demi kesejahteraan sejagat seperti yang berikut:






## INFO TAMBAHAN

Maklumat palsu ialah maklumat yang disebarkan tanpa kesahihan serta bukti yang sah. Jika tidak dibendung, penyebarannya boleh mendatangkan pelbagai kesan negatif kepada masyarakat.

(Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

Pelbagai kaedah digunakan untuk membolehkan maklumat disampaikan dengan cepat dan tepat kepada setiap individu. Namun demikian, kita tidak boleh menggunakan sumber dengan sewenang-wenangnya dan menyebarkan maklumat yang diperoleh tanpa pengesahan daripada pihak yang berkaitan. Tatacara menggunakan sumber dan menyebarkan maklumat demi kesejahteraan sejagat adalah seperti yang di bawah:

## TATACARA MENGGUNAKAN SUMBER DAN MENYEBARKAN MAKLUMAT

1. Pastikan kesahihan sesuatu maklumat.
2. Dapatkan pengesahan daripada pihak yang berkaitan.
3. Nyatakan sumber rujukan.
4. Sebarkan berita atau maklumat yang tidak menyentuh isu sensitif.
5. Elakkan daripada memuat naik isu negatif, kurang sopan atau pornografi melalui laman sosial.
6. Elakkan daripada membuat serangan peribadi terhadap pihak yang lain.
7. Tidak memanipulasikan sesuatu isu untuk kepentingan sendiri.
8. Tidak menokok tambah maklumat atau isi kandungan.
9. Tidak menggodam atau mengeksploitasi maklumat peribadi orang lain.
10. Tidak mencetak atau memplagiat bahan tanpa kebenaran pemilik asal.

Sumber dan penyebaran maklumat perlu dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya agar tidak mencetuskan sebarang isu negatif dan perbalahan. Antara penggunaan sumber dan penyebaran maklumat yang boleh menggugat kesejahteraan sejagat termasuklah perkara seperti yang di bawah:

## PENGGUNAAN SUMBER DAN PENYEBARAN MAKLUMAT YANG MENGGUGAT KESEJAHTERAAN SEJAGAT

**Menyentuh isu sensitif yang boleh menggugat perpaduan**

- Memberikan pandangan tanpa batasan
- Menokok tambah maklumat yang diterima sehingga menimbulkan konflik perkauman

**Menggodam dan menyebarkan maklumat sulit**

- Menceroboh maklumat untuk kepentingan peribadi
- Mencipta akaun dan identiti palsu

**Menyebarkan maklumat palsu dan tidak tepat**

- Maklumat yang disampaikan tidak dijamin kesahihannya
- Menyebarkan maklumat tanpa kebenaran

**Memfitnah dan memburuk-burukkan pihak lain**

- Menularkan fitnah dan kata-kata negatif dalam masyarakat
- Menulis komen negatif dalam media sosial

**Penyelewengan data atau maklumat**

- Mengeksploitasi maklumat individu atau organisasi untuk kepentingan diri
- Membocorkan maklumat penting individu atau organisasi

Sebagai pengguna teknologi maklumat, kita perlu berwaspada dengan sumber dan penyebaran maklumat yang tidak sahih yang boleh menggugat kesejahteraan sejagat. Sumber dan penyebaran maklumat yang tidak sahih ini boleh mendatangkan kesan negatif kepada diri, masyarakat dan negara. Terdapat beberapa implikasi penggunaan sumber dan penyebaran maklumat yang boleh menjejaskan kesejahteraan sejagat.

## IMPLIKASI PENGGUNAAN SUMBER DAN PENYEBARAN MAKLUMAT YANG MENJEJASKAN KESEJAHTERAAN SEJAGAT

**Diri**

- Menjatuhkan imej dan reputasi diri
- Terdedah kepada ancaman keselamatan diri
- Mencetuskan konflik diri dan pertengkaran

**Masyarakat**

- Terpengaruh dengan budaya negatif
- Menggugat perpaduan dan ketenteraman awam
- Menimbulkan konflik dalam masyarakat

**Negara**

- Risiko keselamatan dan kebocoran maklumat sulit
- Menjejaskan imej dan reputasi negara
- Kesejahteraan negara tergugat



Masyarakat perlu mengetahui penggunaan sumber dan penyebaran maklumat ini secara tepat. Setiap individu bertanggungjawab untuk menggunakan sumber maklumat secara berhemah dengan menghayati dan mengamalkan nilai seperti rasional dan kejujuran serta tidak menyalahi undang-undang yang sedia ada. Kehidupan akan menjadi lebih tenang, aman dan sejahtera sekiranya kita menggunakan sumber dan menyebarkan maklumat yang sahih.

## PENGUKUHAN

**A** **Cadangkan penyelesaian isu yang berkaitan dengan sumber dan penyebaran maklumat yang tidak sahih seperti yang di bawah.**

**PERINGATAN**

Tukar segera gambar profil anda di aplikasi WhatsApp. Terdapat penggodam yang akan menyalahgunakan profil tersebut. Ingat, jangan guna gambar anda sendiri!

Netizen X:
Oh, kita kena cepat tukar gambar profil! Nanti, ada pihak yang cuba godam. Jom, tukar profil kawan-kawan! Kita sebarkannya kepada kawan-kawan lain.

Netizen Y:
Bawa bertenang. Kita tidak pasti sama ada maklumat ini sahih atau tidak. Kita patut selidik dahulu kesahihan maklumat ini. Jangan tergesa-gesa menyebarkannya.

Netizen Z:
Saya ikut sahaja.

Apakah tindakan yang patut anda lakukan? Berikan justifikasi anda.

Bincangkan kesan jika anda menyebarkan maklumat tersebut sebelum memastikan kesahihannya.

## DIMENSI MORAL

Bagaimanakah seseorang individu boleh menggunakan penaakulan moral dalam mengenal pasti kesahihan sesuatu maklumat?

**B** **Kenal pasti tindakan yang wajar dilakukan berdasarkan maklumat yang diterima daripada media sosial.**

Adakah Perubatan Diagnosis Sinar-X Berbahaya?

Andaikan anda pesakit yang memerlukan prosedur perubatan. Bagaimanakah anda menggunakan penaakulan moral untuk mengesahkan maklumat rawatan tersebut?

Bagaimanakah amalan nilai universal dapat mengurangkan dan mengelakkan kes penipuan yang melibatkan penyebaran maklumat?

Kes Penipuan Melalui Telefon dan Skim Taruhan Wang Semakin Meningkat




Bagaimanakah anda mempraktikkan pernyataan tersebut dalam penggunaan sumber dan penyebaran maklumat demi kesejahteraan sejagat?

Sekiranya anda mendapat panggilan tersebut, apakah yang akan anda lakukan? Berikan sebab.

**WASPADA PANGGILAN PALSU DARIPADA INDIVIDU YANG MENYAMAR SEBAGAI PENGUAT KUASA**




## REFLEKSI

Bagaimanakah kita dapat menggunakan sumber dan menyebarkan maklumat yang sahih dalam kehidupan harian?

## PENGAYAAN

**A** **Jalankan aktiviti "Penjelajahan Sumber Sahih". Fahami panduan aktiviti yang diberikan. Kemudian, buat refleksi daripada aktiviti ini tentang penggunaan sumber dan penyebaran maklumat yang sahih demi kesejahteraan sejagat.**

### CARA PELAKSANAAN

1. Lima orang murid dilantik sebagai pengadil bagi menentukan jawapan peserta. Seorang pengadil bagi setiap stesen.
2. Setiap kumpulan akan menerima sekeping kad untuk menulis jawapan.
3. Setiap kumpulan akan berkumpul di dataran perhimpunan dan perlu membuat tugasan yang disediakan.
4. Guru sebagai pelepas akan memberikan tugasan untuk menentukan kumpulan yang akan memulakan aktiviti. Contohnya, menimbang bola sebanyak 10 kali.
5. Kumpulan yang paling cepat menjawab dan betul jawapannya akan menerima kad baharu dan bergerak ke stesen seterusnya.
6. Kumpulan yang berjaya menjawab semua soalan di lokasi 1 hingga 5 dengan tepat dan pantas diisytiharkan sebagai pemenang.

**Nota:**
Imbas kod QR untuk mendapatkan soalan.

**DATARAN PERHIMPUNAN**

**KAD SOALAN 1**

**Arahan:** Bergerak ke stesen A, iaitu tempat murid bersukan.

**STESEN A**

**KAD SOALAN 2**

**Arahan:** Bergerak ke stesen B, iaitu tempat murid membuat ulang kaji.

## STESEN B

KAD SOALAN 3

**Arahan:** Bergerak ke stesen C, iaitu tempat murid disoal siasat apabila melakukan kesalahan.

## STESEN C

KAD SOALAN 4

**Arahan:** Bergerak ke stesen D, iaitu tempat murid berkumpul sebelum masuk ke dalam kelas.

## STESEN D

KAD SOALAN 5

Media sosial menjadi pilihan sumber maklumat yang pantas. Bincangkan.

# TAMAT

TAHNIAH DAN SYABAS! ANDA TERPANTAS!

### REFLEKSI

Apakah pengajaran yang anda peroleh daripada aktiviti ini?

5.4.1, 5.4.2, 5.4.3, 5.4.4, 5.4.5, 5.4.6

**B** **Secara berkumpulan, jalankan aktiviti "Maklumat Berantai" tentang penyebaran maklumat yang sahih.**



**CARA PELAKSANAAN:**

1. Guru memberikan maklumat seperti yang di bawah kepada murid pertama:

> Sekolah akan ditutup selama dua hari pada 15 dan 16 Jun berikutan masalah jerebu yang melanda negara. Penutupan sekolah terpaksa dibuat berikutan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) telah melebihi 200. Oleh itu, peperiksaan yang dijadualkan pada 15 hingga 19 Jun akan ditunda ke tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

2. Murid pertama dikehendaki mengingat ayat tersebut dan menyampaikannya kepada murid kedua.
3. Begitulah seterusnya secara berantai.

Apakah yang akan berlaku sekiranya maklumat yang ditularkan ini tidak sahih?

Bagaimanakah anda menggunakan penaakulan moral apabila mendapat maklumat seperti ini?

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat daripada aktiviti ini?

Penularan maklumat yang tidak sahih boleh mencetuskan suasana panik dalam kalangan masyarakat. Bincangkan.

4



5.4.2, 5.4.4, 5.4.6

## PEMULIHAN

**A** **Kenal pasti penggunaan sumber dan penyebaran maklumat yang boleh menggugat kesejahteraan sejagat. Kemudian, hasilkan infografik dan bentangkannya secara kreatif di hadapan kelas.**






Contoh infografik

Infografik

## DILEMA MORAL

Kuan Seng sangat berminat untuk berkhidmat sebagai anggota tentera selepas tamat pengajiannya. Dia mendapat maklumat tentang kemasukan ke pusat latihan ketenteraan daripada pelbagai sumber. Kuan Seng sangat yakin bahawa dia layak untuk menyertainya. Pada masa yang sama, rakannya, David mengetahui maklumat yang diperoleh oleh Kuan Seng tidak berasaskan sumber sahih. Namun begitu, David berasa serba salah untuk memberitahu Kuan Seng kerana bimbang akan mengganggu emosinya. Apakah tindakan wajar yang boleh dilakukan oleh David? Justifikasikan jawapan anda.

**B** **Hasilkan "doodle graffiti" secara kreatif yang berkaitan dengan penggunaan sumber dan penyebaran maklumat dalam kehidupan harian.**

**CARA PELAKSANAAN**

(i) Sediakan sekeping bod lekap (mounting board), kertas dan peralatan yang sesuai.
(ii) Hasilkan "doodle graffiti" anda secara kreatif.
(iii) Ambil gambar dan kongsikan gambar tersebut melalui laman sosial rasmi sekolah.
(iv) Pamerkan hasil "doodle graffiti" tersebut.




Contoh "doodle graffiti"

**C** **Secara berkumpulan:**

(i) Jawab soalan yang diberikan oleh guru.
(ii) Bincangkan hasil jawapan anda di dalam kelas.

Contoh soalan

**NILAI UNIVERSAL**

Sejauh manakah amalan nilai universal dapat melatih individu menggunakan sumber dan menyebarkan maklumat yang sahih demi kesejahteraan sejagat?

4

## PENILAIAN

**A** **Teliti monolog di bawah dan jawab soalan yang diberikan.**



Oh, ramai yang berkongsi tentang mesej ini! Lebih baik saya kongsikannya dengan rakan-rakan. Saya berharap menjadi orang pertama berkongsi mesej ini dalam kumpulan media sosial saya.

1. Wajarkah tindakan anda menularkan mesej seperti yang di atas kepada rakan-rakan? Justifikasikan jawapan anda.
2. Apakah yang akan berlaku sekiranya mesej yang anda sebarkan tidak tepat?
3. Bagaimanakah anda menggunakan penaakulan moral apabila menerima mesej seperti yang di atas?
4. Bagaimanakah penggunaan sumber dan penyebaran maklumat dalam kehidupan harian dapat menjamin kesejahteraan sejagat?

**B** **Lihat poster dan jawab soalan di bawah.**




Bagaimanakah anda boleh menentukan kesahihan sesuatu maklumat yang diperoleh? Huraikan jawapan anda berdasarkan nilai universal yang dipelajari.

**C** **Hasilkan risalah tentang penyebaran maklumat secara beretika berdasarkan maklumat yang diberikan di bawah dengan kreatif.**

**PENGGUNAAN SUMBER DAN PENYEBARAN MAKLUMAT DEMI KESEJAHTERAAN SEJAGAT**

a. Contoh sumber dan maklumat sahih.
b. Tatacara penggunaan sumber dan penyebaran maklumat.
c. Penyebaran maklumat yang menggugat kesejahteraan sejagat.
d. Kesan penggunaan sumber dan penyebaran maklumat yang menggugat kesejahteraan sejagat.










**D** **Bincangkan cara penyebaran risalah yang dihasilkan. Kemudian, sebarkan risalah tersebut.**

# BIDANG 6



# JATI DIRI MORAL

Bidang Jati Moral membincangkan integriti organisasi dan integriti nasional sebagai asas dalam pembentukan jati diri moral. Bidang ini dapat membentuk individu yang boleh memberikan sumbangan terhadap pembangunan negara. Selain itu, bidang ini turut memfokuskan unsur perikemanusiaan sebagai pemangkin yang menyumbang ke arah kesejahteraan global.

# UNIT 5

# INTEGRITI PEMACU KECEMERLANGAN ORGANISASI



## Integriti bermula daripada HATI!

**Dalam unit ini, murid dapat:**

**6.1.1** menjelaskan maksud integriti organisasi.
**6.1.2** mengenal pasti cara melaksanakan integriti dalam organisasi.
**6.1.3** menghuraikan kepentingan amalan integriti dalam organisasi.
**6.1.4** meramalkan implikasi sekiranya amalan integriti dalam organisasi tidak dipraktikkan.
**6.1.5** mengekspresikan perasaan apabila mengamalkan integriti dalam organisasi.
**6.1.6** mengamalkan integriti organisasi dalam kehidupan harian.

**Pernahkah anda berhadapan dengan layanan yang kurang mesra semasa berurusan di sesebuah organisasi? Apakah perasaan anda?**




**CADANGAN NILAI**

- Kejujuran
- Kerjasama
- Bertanggungjawab
- Kebebasan
- Berdikari

## KONSEP

Kemajuan sesebuah organisasi bergantung pada integriti yang wujud dalam kalangan anggotanya. Integriti organisasi bermaksud pematuhan amalan terbaik berdasarkan pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan, sistem dan proses kerja. Pematuhan integriti organisasi akan mewujudkan organisasi yang telus dan tidak mudah dipengaruhi oleh pihak yang berkepentingan. Cara melaksanakan integriti dalam organisasi adalah seperti yang berikut:



## CARA MELAKSANAKAN INTEGRITI DALAM ORGANISASI

- Mematuhi kod etika kerja
- Melaksanakan program kesedaran memerangi jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa
- Melaksanakan visi dan misi
- Memperkukuh dan menguatkuasakan semua peraturan dan undang-undang dalam organisasi
- Mengelakkan penyelewengan kerja
- Mengiktiraf pencapaian serta memberikan penghargaan kepada warga kerja yang berintegriti



Elemen asas sesebuah organisasi yang mantap ialah sistem tadbir urus yang baik, telus dan adil bagi memastikan organisasi tersebut dapat berfungsi dengan cemerlang. Integriti merupakan tunjang kepada pencapaian elemen tersebut bagi menjamin kualiti sesebuah organisasi. Yang berikut ialah kepentingan amalan integriti dalam organisasi:

## KEPENTINGAN AMALAN INTEGRITI DALAM ORGANISASI

**Menilai sesuatu kelakuan atau tindakan dengan pertimbangan yang rasional**
- Keputusan yang cekap dan pantas dapat diambil

**Menunjukkan tingkah laku yang beretika dalam organisasi**
- Etika organisasi dipatuhi

**Meningkatkan sensitiviti dan akauntabiliti anggota organisasi**
- Anggota organisasi yang bertanggungjawab dan komited dapat dilahirkan

**Memudahkan pengurusan sumber manusia yang berkualiti dalam organisasi**
- Anggota organisasi dihargai

**Memperoleh keyakinan orang ramai**
- Kepuasan pelanggan dapat ditingkatkan

**Membentuk budaya kerja berintegriti**
- Anggota organisasi yang bersih, cekap dan amanah dapat dibentuk

**Mengekalkan imej, kredibiliti dan reputasi organisasi**
- Memperoleh pengiktirafan daripada masyarakat

**Meningkatkan kecekapan perkhidmatan organisasi**
- Visi dan misi organisasi tercapai

Sesebuah organisasi tidak hanya bergantung pada sistem kerja dan teknologi semata-mata, malah berkait rapat dengan integriti anggota organisasinya. Pelbagai implikasi negatif akan wujud apabila amalan integriti dalam sesebuah organisasi tidak dipraktikkan.

## IMPLIKASI JIKA AMALAN INTEGRITI DALAM ORGANISASI TIDAK DIPRAKTIKKAN

- Pelanggan hilang keyakinan dan kepercayaan terhadap organisasi
- Sikap individualistik mengatasi kerja berpasukan
- Gejala negatif dalam organisasi meningkat
- Mutu kerja atau perkhidmatan merosot
- Menjatuhkan imej sesebuah organisasi
- Mendatangkan kerugian kepada organisasi
- Pelabur hilang kepercayaan terhadap organisasi
- Wujud budaya kerja yang tidak berintegriti dalam organisasi



Pengamalan integriti dalam organisasi boleh mewujudkan suasana kerja yang harmoni dan sejahtera. Pengamalan integriti ini juga dapat melahirkan perasaan bersyukur, bangga dan gembira untuk melaksanakan tugas dengan sempurna di tempat kerja serta dalam kehidupan harian.

## PENGUKUHAN

**A** **Teliti situasi di bawah, kemudian jawab soalan yang diberikan.**

**Situasi A**

**Sebelum pembinaan taman permainan**
Pemilihan tender bagi membina taman permainan.




1. Lakonkan situasi di atas dengan menunjukkan implikasi yang akan berlaku kepada pegawai tersebut jika pihak atasan mengetahui perkara ini.
2. Pada pandangan anda, apakah langkah yang berkesan untuk mengatasi masalah seperti ini dalam organisasi? Sediakan jawapan anda dalam bentuk peta pemikiran.

### NILAI UNIVERSAL

Huraikan nilai universal yang patut diamalkan bagi mengelakkan pengabaian integriti di tempat kerja.

**Situasi B**

**Selepas pembinaan taman permainan**
Keadaan taman permainan selepas beberapa bulan pembinaan selesai.



3. Apakah perasaan anda sekiranya anda pegawai yang meluluskan tender tersebut dan salah seorang anggota keluarga anda menjadi mangsa dalam kejadian itu?
4. Apakah pengajaran yang anda peroleh daripada situasi ini? Bincangkan.

**B** **Anda bertanggungjawab untuk memilih tender bagi syarikat anda. Anda mendapati dua tender telah menepati kriteria tempoh pembinaan yang ditetapkan, iaitu enam bulan. Yang berikut ialah dua tender tersebut:**

| Perkara | Tender A | Tender B |
|---|---|---|
| Tempoh masa | Enam bulan | Enam bulan |
| Kualiti barang | Berkualiti | Berkualiti |
| Harga | RM150 000.00 | RM180 000.00 |
| Pengalaman pemaju | 10 tahun | Dua tahun |
| Hubungan dengan pegawai | Tiada | Rakan |

Analisis kedua-dua tender di atas. Justifikasikan pilihan anda.

**C** **Situasi di bawah menunjukkan suasana dalam sebuah organisasi.**




Secara berkumpulan:

1. Lakukan pemerhatian tentang amalan tidak berintegriti yang berlaku dalam sesebuah organisasi berdasarkan situasi di atas.
2. Bentangkan hasil pemerhatian anda di dalam kelas.

## DIMENSI MORAL

Sebagai majikan, bagaimanakah anda dapat membentuk pekerja yang berintegriti?

## DILEMA MORAL

Nazali seorang pegawai yang berintegriti dan sudah lama berkhidmat di sebuah syarikat. Dia mempunyai gaji yang stabil dan selesa dengan budaya kerja di situ. Nazali mendapati penyelewengan berlaku dalam kalangan pegawai atasan. Dia juga telah ditawarkan dengan sejumlah wang yang banyak supaya tidak membocorkan rahsia tersebut. Namun begitu, Nazali tetap berpegang pada integriti kerja yang menyebabkan dia diugut untuk dipindahkan ke cawangan lain. Seandainya anda Nazali, apakah tindakan yang akan anda lakukan?



6.1.2, 6.1.3, 6.1.4, 6.1.5, 6.1.6

## PENGAYAAN

**A** Sejauh manakah integriti diamalkan dalam organisasi di sekolah anda? Jalankan satu kajian berdasarkan domain dimensi moral tentang integriti tersebut dengan menggunakan maklumat di bawah.

**Contoh organisasi dalam sekolah**

- Kelas
- Unit perkhidmatan
- Unit kokurikulum

**Teknik pengumpulan data**

- Soal selidik
- Pemerhatian
- Temu bual

**Analisis data**

- Peratus
- Refleksi
- Maklum balas

**B** Analisis data yang diperoleh dan kongsi dapatan anda dengan guru penasihat organisasi tersebut.

## REFLEKSI

Integriti ialah perlakuan tentang perkara yang betul walaupun tiada orang yang melihat. Berikan pandangan anda.

**C** **Di bawah merupakan siaran media dalam portal rasmi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan atau Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC).**




(Sumber: Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan)

Cari maklumat dan latar belakang tentang EAIC. Analisis maklumat berdasarkan perkara di bawah:

- Peranan
- Sasaran
- Cabaran

1. Pada pendapat anda, sejauh manakah suruhanjaya ini mampu meningkatkan integriti organisasi?
2. Bagaimanakah anda berperanan untuk menyokong matlamat suruhanjaya ini?
3. Dapatkan maklumat tentang pencapaian suruhanjaya ini melalui sumber lain.

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan atau Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC)
eaic.gov.my
(Dicapai pada 15 Ogos 2020)

## PEMULIHAN

**A** **Gambar di bawah menunjukkan ciri seorang majikan dan dua orang pekerjanya. Secara berkumpulan, lakukan aktiviti Main Peranan (Role Play) berdasarkan kriteria yang diberikan.**

Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku kepada pekerja A dan organisasi.



**Pekerja A**

- Menepati masa bekerja
- Menerima kerja yang diberikan dengan penuh tanggungjawab
- Tidak menangguhkan kerja
- Akur dengan arahan
- Sentiasa bersikap positif dan berkeyakinan



**Majikan**

- Mengagihkan kerja dengan sama rata
- Tidak pilih kasih dalam memberikan kenaikan gaji atau pangkat
- Memberikan sokongan moral kepada pekerja
- Sentiasa mendorong dan membantu pekerja untuk menyiapkan kerja



**Pekerja B**

- Datang lewat ke pejabat
- Membuat kerja peribadi pada waktu pejabat
- Mengganggu rakan sekerja
- Tidak menyiapkan kerja tepat pada masanya
- Bersikap malas

Individu yang berintegriti dan tidak berintegriti memberikan kesan kepada organisasi. Berikan komen anda.

Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku kepada pekerja B dan organisasi.

6.1.2, 6.1.3, 6.1.4, 6.1.6

## PENILAIAN

**A** **Gambar di bawah menunjukkan paparan skrin maklum balas khidmat pelanggan di sebuah organisasi.**




1. Mengapakah maklum balas khidmat pelanggan seperti yang di atas penting dalam sesebuah organisasi?
2. Terangkan perasaan anda apabila menerima layanan mesra ketika berurusan di sesebuah organisasi.
3. Sebagai pelanggan, cadangkan tindakan yang sepatutnya anda lakukan agar pekerja dapat mengekalkan amalan integritinya.
4. Huraikan implikasi pengabaian integriti dalam sesebuah organisasi.

**B** **Baca pernyataan di bawah.**

**Kerajaan telah melakukan pelbagai strategi untuk mengukuhkan amalan integriti dalam organisasi**

Bincangkan cabaran yang dihadapi oleh pihak kerajaan untuk mengukuhkan amalan integriti dalam organisasi.

**C** **Lakukan kajian tentang kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan yang disediakan di sekolah seperti contoh di bawah.**




Kantin




Koperasi




Tandas

Kongsikan dapatan tersebut dengan pentadbiran sekolah anda.

Contoh borang kepuasan pelanggan

# UNIT 6

# PEMBANGUNAN NEGARA BERTUNJANGKAN INTEGRITI



**Dalam unit ini, murid dapat:**

**6.2.1** menjelaskan contoh integriti demi pembangunan negara.
**6.2.2** mengenal pasti cara melaksanakan tanggungjawab dengan berintegriti demi pembangunan negara.
**6.2.3** memerihalkan kepentingan integriti demi pembangunan negara.
**6.2.4** merumuskan implikasi perbuatan yang tidak berintegriti kepada pembangunan negara.
**6.2.5** mengekspresikan perasaan apabila mengamalkan integriti demi pembangunan negara.
**6.2.6** mengamalkan tanggungjawab dengan berintegriti dalam kehidupan harian demi pembangunan negara.

**Adakah integriti penting dalam pembangunan negara? Berikan pendapat anda.**





**CADANGAN NILAI**

- Kejujuran
- Harga diri
- Toleransi
- Rasional
- Patriotisme

6

## KONSEP

Integriti dalam diri, keluarga dan organisasi menjadi asas kepada pembangunan sesebuah negara. Integriti juga mencerminkan ketamadunan bangsa dan negara. Kebolehpercayaan terhadap kepimpinan dan pentadbiran negara dipengaruhi oleh amalan integriti dalam diri setiap individu. Yang berikut ialah contoh integriti demi pembangunan negara:

### CONTOH INTEGRITI DEMI PEMBANGUNAN NEGARA

**Pentadbiran**

- Merealisasikan dasar antirasuah
- Menjaga kerahsiaan dan maklumat sulit negara
- Mengelakkan penyalahgunaan kuasa, kedudukan atau jawatan

**Ekonomi**

- Menjanakan pendapatan negara mengikut undang-undang
- Mengisytiharkan cukai pendapatan secara jujur
- Tidak menyalahgunakan harta dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan

**Sosial**

- Tiada pengecualian dalam penguatkuasaan undang-undang
- Mematuhi etika organisasi
- Melaksanakan tugas dengan telus dan amanah

## INFO TAMBAHAN

Integriti merupakan satu aspek penting dalam pembangunan negara. Individu yang dipertanggungjawabkan mesti bertindak jujur dan amanah mengikut bidang kuasa dan tugasnya secara telus, tiada konflik peribadi, berwibawa, akauntabiliti serta patuh akan peraturan dan undang-undang.

(Sumber: Institut Integriti Malaysia)

Setiap anggota masyarakat memainkan peranan penting dalam merealisasikan aspirasi negara yang berteraskan integriti. Oleh itu, setiap individu patut melaksanakan tanggungjawab dengan berintegriti demi pembangunan negara. Antara cara yang boleh digunakan untuk melaksanakan tanggungjawab dengan berintegriti termasuklah perkara seperti yang di bawah:






Panduan pembayaran cukai

Pengukuhan integriti menjamin kecemerlangan dan kemajuan sesebuah negara. Kesedaran untuk mengukuhkan integriti perlu dipupuk dalam kalangan masyarakat agar negara terus pesat membangun. Oleh itu, setiap individu perlu mengetahui kepentingan integriti dalam setiap tindakan yang diambil demi pembangunan negara.

## KEPENTINGAN INTEGRITI DEMI PEMBANGUNAN NEGARA

**Meningkatkan imej negara**
- Negara terkenal di persada dunia
- Sektor pelancongan berkembang

**Memartabatkan perusahaan kecil dan sederhana**
- Perusahaan kecil dan sederhana diiktiraf di pasaran antarabangsa
- Meningkatkan pendapatan perusahaan kecil dan sederhana

**Mewujudkan sistem pentadbiran yang telus**
- Negara bebas rasuah
- Pentadbiran lebih sistematik
- Meningkatkan kebolehpercayaan dan keyakinan rakyat

**Meyakinkan pelabur asing untuk meneruskan pelaburan**
- Peluang pekerjaan dan perniagaan meningkat
- Ekonomi negara berkembang pesat

**Menegakkan keadilan dalam kalangan rakyat**
- Dapat mengelakkan diskriminasi
- Masyarakat lebih harmoni

**Melahirkan budaya kerja yang efisien**
- Produktiviti kerja meningkat
- Menjadi contoh kepada negara lain

Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa amalan integriti dalam pembangunan negara merupakan elemen penting yang dapat menaikkan imej negara. Namun demikian, pengabaian terhadap amalan integriti boleh memberikan kesan kepada pembangunan negara. Yang berikut ialah implikasi perbuatan yang tidak berintegriti kepada pembangunan negara:




Budaya integriti yang bermula dalam diri, keluarga dan organisasi menjadi tunjang kepada pembangunan negara. Setiap individu perlu menghayati dan mengamalkan nilai kejujuran, harga diri, patriotisme dan rasional demi pembangunan negara. Pengamalan nilai ini akan melahirkan rasa bangga dan bersyukur sebagai rakyat Malaysia yang hidup dalam suasana aman dan harmoni.

## PENGUKUHAN

**A** **Secara berpasangan, teliti maklumat di bawah. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.**

### CIRI TADBIR URUS YANG BAIK

- Fokus kepada pelanggan
- Beretika
- Ketelusan
- Akauntabiliti dan integriti
- Efektif dan efisien
- Pengurusan perubahan

1. Bagaimanakah Malaysia mengamalkan ciri tadbir urus yang baik demi pembangunan negara?
2. Bincangkan keberkesanan tadbir urus yang baik yang diamalkan di Malaysia.
3. Jelaskan perasaan anda apabila melihat negara kita mengamalkan tadbir urus yang baik.

## NILAI UNIVERSAL

Terangkan nilai universal yang dapat dipupuk dalam kalangan warganegara untuk memperkukuh integriti demi pembangunan negara.

Amalan tidak berintegriti menjejaskan kestabilan negara. Bincangkan.



6.2.3, 6.2.4, 6.2.5

**B** **Teliti monolog dan jawab soalan di bawah.**

Saya tidak membeli komputer atau telefon. Namun begitu, saya hendak menuntut pelepasan cukai.

Jumlah caruman SSPN saya ialah RM300.00 tetapi saya akan membuat pengisytiharan untuk pelepasan cukai sebanyak RM2000.00.

Saya banyak memberikan sumbangan tetapi tiada resit sebagai bukti. Saya tetap akan membuat tuntutan untuk pelepasan cukai kerana tiada sesiapa pun yang tahu.

**PELEPASAN CUKAI YANG LAYAK DITUNTUT**

| | |
|---|---|
| Gaya Hidup | = RM1000.00 |
| Sumbangan | = RM400.00 |
| SSPN | = RM300.00 |
| Insurans | = RM1200.00 |



**PELEPASAN CUKAI YANG TELAH DITUNTUT**

| | |
|---|---|
| Gaya hidup | = RM2500.00 |
| Sumbangan | = RM1000.00 |
| SSPN | = RM2000.00 |
| Insurans | = RM2600.00 |

1. Wajarkah tindakan individu di atas? Bincangkan.
2. Huraikan implikasi sekiranya pembayar cukai memberikan maklumat palsu dalam menuntut pelepasan cukai.
3. Terangkan kepentingan pembayaran cukai kepada pembangunan negara.

**DIMENSI MORAL**

Bagaimanakah perlakuan moral boleh diamalkan untuk menunjukkan integriti demi pembangunan negara?

6

## PENGAYAAN

**A** **Secara berkumpulan, laksanakan aktiviti Sumbang Saran (Brainstorming) tentang amalan integriti dalam pembangunan negara yang patut dipraktikkan dalam situasi di bawah.**



**Situasi 1**

Kenaikan harga barang sering berlaku pada musim perayaan. Hal ini berlaku apabila terdapat segelintir peniaga yang mementingkan keuntungan semata-mata dengan menaikkan harga barangan tanpa kawalan.

**Situasi 2**

Pelupusan sisa pepejal seperti pembuangan sampah haram yang berleluasa dan sikap membuang sampah di merata-rata tempat sudah menjadi isu dalam usaha menjaga alam sekitar. Setiap individu perlu memainkan peranan dalam menyelesaikan isu ini. Walau bagaimanapun, masih ada pihak yang tidak melaksanakan tanggungjawab mereka.





**Situasi 3**

Penyakit kuku dan mulut merupakan suatu penyakit serius yang menjangkiti haiwan berkuku seperti lembu, kerbau dan biri-biri. Hal ini terjadi kerana haiwan yang telah dijangkiti tidak dikuarantin terlebih dahulu dan tidak menerima sebarang suntikan. Penyakit ini amat sukar dikawal, malah wabak ini boleh menyebabkan kerugian besar kepada penternak.

## REFLEKSI

Bagaimanakah integriti memainkan peranan dalam menyeimbangkan pembangunan negara dengan kelestarian alam sekitar? Berikan komen anda.

Jelaskan nilai universal yang perlu diamalkan dalam setiap situasi.

Dengan menggunakan aktiviti Tanda Kompas (Compass Points), teliti masalah dalam setiap situasi pada halaman 82. Rujuk contoh penyelesaian Situasi 1 di bawah. Bentangkan hasil perbincangan anda di dalam kelas.

**Borang Aktiviti Tanda Kompas**

| Arah | Perbincangan | Justifikasi |
|---|---|---|
| N – *Need to know*<br>Apakah isu yang wujud? | - Kenaikan harga barang keperluan<br>- Barang keperluan harian disembunyikan<br>- Bekalan bahan mentah berkurangan | - Peniaga mementingkan keuntungan<br>- Peniaga tidak beretika<br>- Peniaga tidak mematuhi harga siling yang ditetapkan |
| E – *Excited*<br>Apakah yang menarik perhatian anda tentang isu ini? | - Kesukaran mendapatkan barangan keperluan<br>- Pengguna tiada pilihan | - Barangan keperluan harian dijual dengan harga yang mahal dan kuantiti yang terhad<br>- Peniaga mengambil kesempatan untuk memperoleh keuntungan pada musim perayaan |
| W – *Worried*<br>Apakah yang membimbangkan anda? | - Pengguna terpaksa membeli barangan kerana tiada pilihan<br>- Pengguna membeli barangan dengan kuantiti yang banyak secara berlebihan | - Pembelian panik dalam kalangan pengguna<br>- Pengguna bimbang akan kehabisan stok |
| S – *Strategy*<br>Apakah strategi terbaik pilihan anda? | - Membuat aduan kepada pihak berkuasa<br>- Menjadi pengguna yang bijak | - Mengelakkan eksploitasi peniaga terhadap pengguna dengan sesuka hati |

Bincangkan amalan integriti dalam kehidupan harian.

**B Laksanakan tinjauan terhadap perkhidmatan kaunter di klinik kesihatan.**

| MAKLUMAT TINJAUAN | PERKARA YANG PERLU DIPERHATIKAN |
| --- | --- |
| Layanan terhadap pelanggan | Memberikan salam, bertanya khabar dan bercakap dengan sopan |
| Masa perkhidmatan rawatan | Tempoh menunggu untuk mendapatkan rawatan |
| Keselesaan persekitaran | Kemudahan, kebersihan, prasarana dan keadaan persekitaran |

1. Justifikasikan hasil dapatan tinjauan anda.
2. Cadangkan penambahbaikan yang dapat meningkatkan integriti dalam perkhidmatan kaunter di klinik kesihatan.

## DILEMA MORAL

Sebuah syarikat multinasional bercadang untuk membuka cawangan kilang di kawasan berdekatan dengan pantai. Pembukaan kilang ini memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat dan melonjakkan ekonomi negara. Namun begitu, pembinaan kilang ini akan menjejaskan alam sekitar. Sebagai pegawai yang bertanggungjawab, adakah anda akan meluluskan tender pembukaan kilang tersebut? Justifikasikan jawapan anda.

## PEMULIHAN

**A** **Baca dan fahami piagam Syarikat ARB di bawah. Kemudian, jawab soalan berdasarkan situasi yang diberikan.**

### PIAGAM SYARIKAT ARB

1. Menerima dan melaksanakan tugas yang diamanahkan oleh majikan.
2. Sentiasa mengamalkan integriti dalam kerja.
3. Memberikan perkhidmatan yang memenuhi kehendak pelanggan.
4. Mengamalkan budaya perkhidmatan yang berkualiti, adil, cekap dan amanah melalui sistem penyampaian yang teratur dan berkesan.
5. Memastikan setiap produk yang dikeluarkan menjamin keselamatan dan keselesaan pelanggan.

### Situasi

Anda bekerja sebagai ketua unit pengedaran produk di Syarikat ARB. Syarikat ini mendapat kontrak mengeksport produk elektronik ke luar negara. Anda diarahkan untuk menyediakan 50 000 unit produk elektronik tersebut. Bagi memenuhi tempahan, anda diminta memasukkan sebanyak 5% produk yang tidak berkualiti untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.

1. Apakah tindakan yang patut anda lakukan? Jelaskan.
2. Adakah anda berintegriti dalam tindakan yang diambil? Bincangkan.
3. Bagaimanakah pematuhan piagam syarikat dapat meningkatkan integriti demi pembangunan negara?

## REFLEKSI

Pengabaian integriti boleh memusnahkan sesebuah negara. Apakah komen anda?

**6.2.2, 6.2.3, 6.2.4**

## PENILAIAN

**A** **Baca teks yang berkaitan dengan integriti dalam pentadbiran negara dan jawab soalan di bawah.**

# INTEGRITI CITRA NEGARA

Secara umumnya, integriti ialah kualiti unggul yang perlu ada pada diri seseorang individu, organisasi dan negara. Budaya integriti ini berkait rapat dengan etika dan nilai murni. Kepentingan meletakkan budaya berintegriti pada tahap tertinggi bukanlah suatu perkara yang baharu tetapi perlu menjadi keutamaan hidup setiap individu.

Setiap anggota organisasi perlu menerapkan dan mengutamakan budaya integriti dalam usaha memberikan perkhidmatan yang terbaik. Mereka perlulah bersikap jujur dan amanah, telus, berwibawa, akauntabiliti serta patuh akan peraturan dan undang-undang.

Walau bagaimanapun, banyak isu yang melibatkan akauntabiliti dan integriti berlaku dalam kalangan anggota sesebuah organisasi. Isu seperti penyalahgunaan kuasa, pembaziran, pecah amanah, rasuah dan penyelewengan yang dilakukan oleh segelintir anggota organisasi boleh menjejaskan imej organisasi, malah memberikan kesan kepada negara.

Maka, adalah penting bagi setiap anggota organisasi untuk melaksanakan amanah dengan sebaik-baiknya supaya tahap kepercayaan masyarakat terhadap organisasi dan negara tidak terjejas.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada www.integriti.my)
Dicapai pada 18 Ogos 2020

1. Kenal pasti contoh integriti dalam teks di atas.
2. Ramalkan kesan yang wujud dalam pembangunan negara sekiranya integriti diabaikan.
3. Terangkan cabaran yang dihadapi oleh para pemimpin dalam membina integriti demi pembangunan negara.
4. Huraikan cara melaksanakan tanggungjawab dengan berintegriti demi pembangunan negara.

**B** **Baca dan jawab soalan di bawah.**

**RAKYAT BERINTEGRITI NEGARA DISANJUNGI**

Adakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas? Bincangkan.

**C** **Secara berkumpulan, hasilkan gegantung yang bertemakan "Pembudayaan Integriti demi Pembangunan Negara".**







**PANDUAN PELAKSANAAN**

- **Contoh Tajuk Gegantung:** INTEGRITI TERAS KEHIDUPAN
- Hasilkan gegantung yang mempunyai elemen kesedaran tentang integriti.
- Cari gambar yang bersesuaian untuk gegantung.
- Gantung hasil kerja di tempat yang dibenarkan.

# UNIT 7 BERPERIKEMANUSIAAN PEMANGKIN KESEJAHTERAAN GLOBAL



**Dalam unit ini, murid dapat:**

**6.3.1** menyenaraikan ciri berperikemanusiaan demi kesejahteraan global.
**6.3.2** menjelaskan dengan contoh perlakuan berperikemanusiaan demi kesejahteraan global.
**6.3.3** merumuskan kebaikan berperikemanusiaan demi kesejahteraan global.
**6.3.4** mencerakinkan kesan pengabaian sikap perikemanusiaan demi kesejahteraan global.
**6.3.5** mengekspresikan perasaan apabila mengamalkan sikap perikemanusiaan demi kesejahteraan global.
**6.3.6** mengamalkan sikap perikemanusiaan dalam kehidupan harian demi kesejahteraan global.

**Adakah sikap berperikemanusiaan menyumbang ke arah kesejahteraan global? Jelaskan.**



**CADANGAN NILAI**

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kasih sayang
- Kerjasama
- Kesederhanaan
- Baik hati

## KONSEP

Kesejahteraan global ialah suasana aman dan makmur dari segi keselamatan, jaminan makanan, kesihatan dan kelestarian global. Suasana yang harmoni dan tenteram terjalin daripada amalan berperikemanusiaan dalam kehidupan. Terdapat beberapa ciri berperikemanusiaan demi kesejahteraan global.

### CIRI BERPERIKEMANUSIAAN DEMI KESEJAHTERAAN GLOBAL

- Menghargai nyawa
- Menyayangi sesama makhluk
- Menghargai dan menghormati hak manusia
- Empati dan simpati kepada masyarakat global
- Mencintai keamanan dunia
- Melestarikan keseimbangan ekosistem

## INFO TAMBAHAN

Menurut United Nations Committee on World Food Security, jaminan makanan bertunjangkan tiga tonggak utama, iaitu ketersediaan, kestabilan dan akses. Secara keseluruhannya, jaminan makanan ini boleh ditafsirkan sebagai satu situasi apabila setiap individu memiliki akses ekonomi dan fizikal ke atas makanan yang cukup, selamat dan berkhasiat untuk hidup yang aktif dan sihat sepanjang masa.

(Sumber: https://www.un.org)
Dicapai pada 17 Ogos 2020

Sebagai masyarakat global, sikap berperikemanusiaan perlu diamalkan dalam kehidupan harian demi kesejahteraan bersama. Hal ini penting kerana pengamalan dan penghayatan sikap berperikemanusiaan dapat membentuk masyarakat global yang sejahtera dan harmoni. Antara perlakuan berperikemanusiaan demi kesejahteraan global termasuklah contoh seperti yang di bawah:

## CONTOH PERLAKUAN BERPERIKEMANUSIAAN DEMI KESEJAHTERAAN GLOBAL

**Melindungi hak asasi manusia**

- Membantu golongan kurang bernasib baik
- Memberikan bantuan keperluan asas dan perubatan
- Menentang pemerdagangan manusia
- Menyantuni setiap individu sebagai manusia

**Sikap kepedulian dan keprihatinan**

- Mewujudkan kumpulan sokongan kemanusiaan
- Membantu mangsa bencana dan pihak yang memerlukan
- Menyertai misi keamanan dan kemanusiaan
- Memberikan sokongan psikologi dan moral

**Mencintai alam sekitar pada peringkat global**

- Menyokong dasar dan kempen alam sekitar pada peringkat global seperti kempen yang dianjurkan oleh World Wide Fund for Nature (WWF)
- Menentang penggunaan senjata nuklear dan kimia
- Menghalang pemburuan haram dan pemerdagangan haiwan
- Memelihara dan memulihara sumber alam

**Mencintai keamanan global**

- Menyokong dasar dan kempen keamanan sejagat oleh pertubuhan antarabangsa
- Berpendirian teguh dalam mempertahankan isu keamanan
- Menentang diskriminasi berasaskan gender, warna kulit dan bangsa
- Saling menyayangi antara satu sama lain

Sikap berperikemanusiaan ini dapat membentuk individu ke arah kesejahteraan global. Setiap individu yang mengamalkan sikap berperikemanusiaan bersedia menjadi masyarakat global yang prihatin dan mengambil berat terhadap perkara yang berlaku di sekelilingnya. Sikap berperikemanusiaan demi kesejahteraan global mempunyai beberapa kebaikan seperti yang di bawah:



## KEBAIKAN BERPERIKEMANUSIAAN DEMI KESEJAHTERAAN GLOBAL



Sikap berperikemanusiaan juga dapat menjamin kehidupan yang sejahtera dalam masyarakat global. Namun begitu, terdapat segelintir masyarakat yang tidak mengamalkan dan mengabaikan sikap berperikemanusiaan dalam kehidupan. Yang berikut ialah kesan pengabaian sikap berperikemanusiaan demi kesejahteraan global:

## KESAN PENGABAIAN SIKAP BERPERIKEMANUSIAAN DEMI KESEJAHTERAAN GLOBAL

| | |
|---|---|
| Golongan kurang bernasib baik akan terabai | • Golongan tersebut dipinggirkan tanpa bantuan sewajarnya<br>• Meluaskan jurang perbezaan antara individu |
| Manusia akan hilang pertimbangan | • Kekejaman dan kezaliman menjadi kebiasaan<br>• Hilang kepercayaan sesama manusia |
| Hilang perasaan kasih sayang sesama manusia | • Individu mengabaikan hubungan sosial<br>• Individu bersikap individualistik dan materialistik |
| Kelestarian alam terancam | • Kepupusan flora dan fauna<br>• Perubahan suhu dunia yang tidak menentu |

Kita sewajarnya menghayati dan mengamalkan sikap berperikemanusiaan dalam kehidupan harian. Oleh hal yang demikian, setiap anggota masyarakat global perlu bersikap baik hati dan saling menyayangi antara satu sama lain demi kesejahteraan global.

## PENGUKUHAN

**A Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.**

### 1 Situasi

Negara X telah melakukan penindasan terhadap rakyatnya. Banyak rumah dan harta benda musnah, manakala rakyatnya melarikan diri ke negara jiran yang berhampiran.

Sekiranya anda rakyat negara jiran tersebut, jelaskan perlakuan kemanusiaan yang wajar anda lakukan.

### 2 Situasi

Rakyat negara A mengalami kebuluran akibat sekatan ekonomi daripada negara berkuasa besar. Banyak negara cuba menyalurkan bantuan, namun telah disekat.

Wajarkah tindakan negara berkuasa besar tersebut? Nyatakan ciri berperikemanusiaan yang sepatutnya diamalkan oleh negara berkuasa besar tersebut demi kesejahteraan global.

### 5 Situasi

Anjang anak Balau ialah pengurus sebuah syarikat pemaju. Dia akan memajukan sebuah tapak perumahan baharu. Namun begitu, tapak tersebut mempunyai daya tarikan flora dan fauna yang sukar ditemukan lagi pada masa ini.

Andaikan anda Anjang, adakah anda akan meneruskan projek perumahan tersebut? Berikan alasan anda.

### 6 Situasi

Samson dan rakan-rakan merupakan pekerja asing di tempat kerja anda. Majikan anda telah memegang pasport mereka dan menyekat pemberian gaji atas alasan mereka tidak menunjukkan peningkatan produktiviti.

Apakah tindakan yang patut anda lakukan bagi menunjukkan sikap berperikemanusiaan dalam situasi ini? Jelaskan tindakan anda.

## NILAI UNIVERSAL

Sejauh manakah nilai universal dapat membentuk seorang individu yang berperikemanusiaan demi kesejahteraan global? Bincangkan.

## 3 Situasi

Makanan eksotik kian menjadi kegemaran masyarakat dunia. Hal ini menyebabkan manusia hilang pertimbangan sehingga sanggup membunuh haiwan yang kian pupus.

Cerakinkan kesan pengabaian sikap berperikemanusiaan tersebut.

## 4 Situasi

Sebuah keluarga yang berasal dari negara mundur ingin mengubah kehidupan mereka. Mereka cuba memasuki negara lain tanpa izin dengan menggunakan laluan laut.

Sekiranya anda pasukan keselamatan pantai, apakah tindakan yang patut anda lakukan? Justifikasikan tindakan anda.

## 7 Situasi

Media massa telah memaparkan berita tentang satu bencana alam yang berlaku di negara jiran. Pelbagai bantuan perlu disalurkan kepada mangsa yang terlibat.

Sebagai individu yang mengamalkan sikap berperikemanusiaan, apakah tindakan yang boleh anda lakukan?

Peraturan dan undang-undang kadangkala mengatasi sifat kemanusiaan. Bersetujukah anda? Bincangkan.

**B** **Teliti isu-isu dalam gambar di bawah. Kemudian, bincangkan jawapan bagi setiap isu tersebut.**



Jelaskan kebaikan membantu mangsa pelarian demi kesejahteraan global.

Ramalkan kesan pengabaian sikap berperikemanusiaan terhadap flora dan fauna jika tidak ditangani dengan segera.






Huraikan sikap berperikemanusiaan yang patut diamalkan terhadap golongan kanak-kanak.

## DILEMA MORAL

Anda pegawai perubatan yang terlibat dalam misi kemanusiaan di luar negara. Semasa menjalankan tugas, anda mendapat berita bahawa keluarga anda terlibat dalam kemalangan di tanah air. Apakah tindakan yang patut anda lakukan? Justifikasikan tindakan anda.



6.3.1, 6.3.2, 6.3.3, 6.3.4

## PENGAYAAN

**A** **Secara berkumpulan, hasilkan pelan tindakan ringkas seperti yang di bawah bagi mengatasi isu kemanusiaan.**

**Contoh isu:**

| | |
|---|---|
| **Kebuluran** | **Kesihatan** |
| **Pelarian** | **Buruh kanak-kanak** |

### PANDUAN PENYEDIAAN PELAN TINDAKAN ISU KEMANUSIAAN

**ISU KEMANUSIAAN**
**Kemiskinan**

**Bantuan Fizikal**
- Makanan dan minuman berkhasiat
- Petempatan

**Bantuan Lain**
- Sokongan moral
- Sokongan psikologi

CARA MENYEDIAKAN PELAN TINDAKAN RINGKAS
(i) Mengenal pasti isu dan masalah
(ii) Menetapkan objektif
(iii) Mengenal pasti langkah penyelesaian dan jenis bantuan yang boleh diberikan
(iv) Menyemak dan menilai semula tindakan yang telah diambil

**B** **Bentangkan hasil pelan tindakan ringkas anda di hadapan kelas dengan menggunakan perisian yang sesuai secara kreatif dan menarik.**

### DIMENSI MORAL

Jelaskan perasaan anda sekiranya berjaya merealisasikan pelan tindakan bantuan kemanusiaan seperti yang di atas.

7

**C** **Lihat gambar di bawah. Secara berpasangan, jawab soalan yang diberikan. Kemudian, kongsikan jawapan dengan rakan-rakan yang lain.**



Jelaskan perasaan anda apabila melihat gambar di sebelah.

Bagaimanakah anda menunjukkan nilai berperikemanusiaan terhadap haiwan yang menjadi mangsa dalam kebakaran?

AR PENDIDIKAN MORAL TINGKATAN 5



7

Apakah tindakan yang akan anda ambil untuk menyedarkan masyarakat dunia tentang kepentingan sikap berperikemanusiaan dalam penjagaan alam sekitar?

**DIMENSI MORAL**

Sebagai insan yang bermoral, bagaimanakah anda mengamalkan sikap berperikemanusiaan demi kesejahteraan global?

## PEMULIHAN

**A** **Bincangkan dan hasilkan peta pemikiran dengan cara yang kreatif berdasarkan isu-isu di bawah.**

**Konflik kemanusiaan**
- Contoh keganasan dan pertumpahan darah
- Kesan keganasan

**Pemerdagangan manusia**
- Kesan kepada negara
- Kesan kepada dunia

**Bantuan kemanusiaan antarabangsa**
- Contoh bantuan yang diberikan
- Kepentingan bantuan yang disalurkan

**Menyantuni golongan Orang Kurang Upaya (OKU)**
- Cara membantu golongan tersebut
- Perasaan dapat menyantuni mereka

**Pemburuan haram dan kemusnahan flora dan fauna**
- Perasaan jika flora dan fauna semakin pupus

### REFLEKSI

Mengapakah persengketaan sesama manusia masih wujud pada masa ini? Bincangkan.

**B** **Cari dan kumpulkan maklumat berkaitan dengan kesan pengabaian sikap berperikemanusiaan pada peringkat global. Bentangkan hasil dapatan tersebut.**

## DILEMA MORAL

Anda melancong ke negara X, iaitu sebuah negara yang terkenal dengan barangan kulit dan sumber haiwan. Anda mendapat mesej daripada rakan yang meminta anda membelikannya jaket yang diperbuat daripada kulit haiwan. Sebagai aktivis yang menyokong usaha membanteras produk berasaskan haiwan, anda keberatan untuk membelinya. Apakah tindakan yang patut anda lakukan? Justifikasikan tindakan anda.



**6.3.2, 6.3.3, 6.3.4, 6.3.5, 6.3.6**

## PENILAIAN

**A** **Teliti kesan bencana alam dalam gambar di bawah, kemudian jawab soalan yang diberikan.**


Ribut taufan


Gempa bumi


Banjir


Letusan gunung berapi

1. Senaraikan sikap berperikemanusiaan yang perlu diamalkan dalam situasi di atas.
2. Ramalkan kesan pengabaian sikap berperikemanusiaan terhadap mangsa dalam situasi di atas.
3. Terangkan kebaikan mengamalkan sikap berperikemanusiaan dalam kehidupan harian.
4. Jelaskan perasaan anda sekiranya berjaya mengamalkan sikap berperikemanusiaan demi kesejahteraan global.

**B** **Pada masa ini, manusia semakin hilang pertimbangan dan sifat kemanusiaan. Bersetujukah anda dengan pernyataan ini? Huraikan jawapan anda berdasarkan nilai universal yang dipelajari.**

7

**C** Laksanakan aktiviti bersama-sama dengan kumpulan sokongan bagi membantu golongan kurang bernasib baik yang memerlukan bantuan.

## AKTIVITI KUMPULAN SOKONGAN KEMANUSIAAN MENGHULURKAN BANTUAN



Bantuan keperluan asas



Bantuan keperluan harian



Bantuan perubatan

Kongsikan pengalaman anda ketika terlibat dengan kumpulan sokongan bagi membantu golongan kurang bernasib baik yang memerlukan bantuan. Kemudian, hasilkan laman sesawang kumpulan sokongan tersebut untuk dipromosikan kepada masyarakat dunia.



BIDANG 7

# MORAL DAN KENEGARAAN

**Bidang Moral dan Kenegaraan menghubungkaitkan moral dan kenegaraan dalam konteks negara di persada dunia. Bidang ini juga merangkumi penglibatan diri dalam program komuniti dan pengurusan kewangan secara beretika. Selain itu, bidang ini memfokuskan kerjasama negara dalam hubungan antarabangsa demi meningkatkan pengiktirafan dunia terhadap negara.**

# UNIT 8 PENGLIBATAN DIRI PENERAJU KOMUNITI






**Dalam unit ini, murid dapat:**

**7.1.1** memberikan contoh program komuniti yang boleh dilaksanakan bersama-sama badan kerajaan atau badan bukan kerajaan.

**7.1.2** mengenal pasti cara melaksanakan program komuniti bersama-sama badan kerajaan atau badan bukan kerajaan.

**7.1.3** menghuraikan kepentingan melaksanakan program komuniti bersama-sama badan kerajaan atau badan bukan kerajaan.

**7.1.4** meramalkan implikasi kurang penglibatan dalam program komuniti bersama-sama badan kerajaan atau badan bukan kerajaan.

**7.1.5** mengekspresikan perasaan apabila melibatkan diri dalam program komuniti bersama-sama badan kerajaan atau badan bukan kerajaan.

**7.1.6** melibatkan diri dalam program komuniti bersama-sama badan kerajaan atau badan bukan kerajaan.



**Aktiviti kesukarelawanan merupakan amalan mulia dalam kehidupan. Bersetujukah anda?**

**CADANGAN NILAI**

- Patriotisme
- Berterima kasih
- Kerjasama
- Kerajinan
- Kasih sayang

## KONSEP

Penglibatan diri dalam program komuniti merupakan tindakan sukarela yang memberikan peluang kepada individu untuk memikul tanggungjawab kemasyarakatan. Program komuniti dijalankan bersama-sama dengan badan kerajaan atau pertubuhan bukan kerajaan. Kerjasama ini bukan sahaja memberikan sumbangan dalam pembangunan komuniti setempat, malah membawa perubahan dalam kehidupan setiap anggota masyarakat. Antara program komuniti bersama-sama dengan badan kerajaan atau pertubuhan bukan kerajaan termasuklah contoh seperti yang di bawah:

### CONTOH PROGRAM KOMUNITI BADAN KERAJAAN ATAU PERTUBUHAN





**BANTUAN FIZIKAL**

**Contoh:**
Membaik pulih rumah, pembinaan kemudahan awam serta infrastruktur seperti balai raya, rumah ibadat dan saliran air

**PEMBANGUNAN PELANCONGAN**

**Contoh:**
Program inap desa, sistem tagal, perusahaan kecil dan sederhana





## INFO TAMBAHAN

Sistem tagal ialah satu kaedah pengurusan biosfera yang popular di Sabah. Sistem ini melibatkan masyarakat tempatan dengan pihak kerajaan untuk pemuliharaan dan perlindungan sungai serta pengurusan sumber perikanan sungai.

(Sumber: *Sistem Tagal dalam Industri Pelancongan: Manfaat kepada Komuniti*)



**BANTUAN KEMANUSIAAN**

**Contoh:**
Sukarelawan, khidmat nasihat dan program ramah mesra

## BERSAMA-SAMA DENGAN BUKAN KERAJAAN

**KELESTARIAN ALAM**

**Contoh:**
Gotong-royong, penanaman pokok, penempatan haiwan terbiar dan aktiviti kitar semula







**AKTIVITI RIADAH**

**Contoh:**
Larian amal dan sukaneka komuniti

**PROGRAM KESIHATAN**

**Contoh:**
Menderma organ atau darah, kempen antidadah dan saringan kesihatan



Penglibatan diri dalam program komuniti juga dapat memastikan keperluan dan aspirasi komuniti tersebut tidak diabaikan. Hal ini dapat mewujudkan komuniti yang dinamik dan sejahtera. Terdapat pelbagai cara melaksanakan program komuniti sama ada bersama-sama dengan badan kerajaan ataupun pertubuhan bukan kerajaan seperti yang di bawah:

## CARA MELAKSANAKAN PROGRAM KOMUNITI

- Mendaftarkan diri sebagai sukarelawan
- Menyokong dasar dan program komuniti yang dilaksanakan secara langsung atau tidak langsung
- Memberikan sumbangan keperluan asas seperti pakaian dan makanan kepada pihak yang memerlukan
- Mempromosikan program komuniti dalam media massa
- Meluangkan masa dan menyumbangkan tenaga dalam menjayakan sesuatu program komuniti
- Melibatkan diri dalam program komuniti
- Menggalakkan rakan atau keluarga untuk menyertai program komuniti
- Memberikan sumbangan pengetahuan, kemahiran atau kepakaran untuk melaksanakan program komuniti

Keharmonian dan kesejahteraan masyarakat terjamin melalui penglibatan diri dalam program komuniti bersama-sama dengan badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan. Penglibatan aktif dan bermakna sama ada pada peringkat tempatan mahupun global dalam program komuniti mampu memberikan manfaat yang banyak kepada masyarakat.

## KEPENTINGAN MELAKSANAKAN PROGRAM KOMUNITI

**Memupuk semangat patriotik dan perpaduan dalam kalangan masyarakat**

- Penglibatan masyarakat tanpa mengira kaum

**Menghargai harta benda, ruang dan fasiliti yang dikongsi bersama**

- Pengurangan gejala sosial seperti vandalisme

**Membina jalinan kerjasama yang berterusan**

- Mewujudkan semangat kekitaan dan kerja berpasukan

**Menjadi inspirasi kepada orang ramai untuk melibatkan diri dalam program komuniti**

- Keyakinan dalam kalangan anggota masyarakat meningkat

**Mampu menangani cabaran dalam negara**

- Menyumbang kepada pembangunan negara

**Menggalakkan komuniti supaya lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan sesuatu program**

- Program komuniti dapat dilaksanakan dengan jayanya

Komuniti yang harmoni akan mewujudkan jalinan kerjasama yang erat serta menggalakkan kehidupan yang selamat dan sejahtera. Hal ini dapat melahirkan warganegara yang patriotik, prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara. Walau bagaimanapun, kurangnya penglibatan dalam program komuniti boleh mendatangkan implikasi seperti yang di bawah:

## IMPLIKASI KURANG PENGLIBATAN DALAM PROGRAM KOMUNITI

- Golongan yang memerlukan bantuan sukar mendapat pembelaan
- Generasi baharu akan mudah terjebak dengan tingkah laku antisosial
- Manusia lebih bersikap individualistik
- Hubungan antara masyarakat pelbagai kaum akan semakin renggang
- Jurang sosial semakin meluas
- Kelestarian alam sekitar terabai
- Beban kerajaan dalam pembangunan komuniti bertambah
- Sikap prihatin dan timbang rasa dalam kalangan masyarakat berkurangan

Apabila semua lapisan masyarakat bekerjasama untuk membangunkan komuniti, maka wujudlah perasaan bersyukur dan bangga terhadap komuniti dan negara. Oleh itu, rakyat dapat mengamalkan nilai berterima kasih dan kasih sayang dalam kehidupan harian tanpa mengira agama, kaum dan budaya.

## PENGUKUHAN

**A** **Imbas kod QR dan tonton klip video sumbangan badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan dalam program komuniti di negara kita.**



Program amal



Bantuan bencana



Bantuan kepada golongan gelandangan

Secara berkumpulan, analisis kandungan klip video di atas berdasarkan maklumat berikut:
(i) Pihak yang terlibat
(ii) Aktiviti yang dijalankan
(iii) Kepentingan program
(iv) Implikasi kurang penglibatan dalam program komuniti

### NILAI UNIVERSAL

Huraikan nilai universal yang diamalkan oleh sukarelawan yang menyertai program komuniti seperti yang di atas.

Generasi muda pada hari ini beranggapan bahawa penglibatan diri dalam program komuniti tidak memberikan manfaat. Berikan hujah anda.

8

**B** **Yang berikut ialah contoh program komuniti yang dilaksanakan oleh badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan:**

8

### CONTOH PROGRAM KOMUNITI

| Badan Kerajaan | Pertubuhan Bukan Kerajaan |
|---|---|
| • Program Khidmat Bantu di Rumah, Jabatan Kebajikan Masyarakat<br>• Program Cegah COVID-19, Kementerian Kesihatan Malaysia<br>• Program Prihatin Keluarga Angkat (PROTEK), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) | • Pendidikan untuk Anak-anak Orang Asli, Yayasan Salam Malaysia<br>• Program Penjagaan Haiwan Liar, Trap-Neuter-Release-Manage, TNRM Malaysia<br>• Program Pendidikan Kanak-kanak, Yayasan Sabah |

1. Kumpulkan maklumat tentang program komuniti yang dilaksanakan oleh badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan. Bentangkan maklumat tersebut di dalam kelas.
2. Laksanakan aktiviti debat bertajuk "Penglibatan Diri dalam Program Komuniti Tidak akan Menjejaskan Kualiti Hidup Berkeluarga".

**C** **Kenal pasti pertubuhan bukan kerajaan yang melaksanakan program komuniti di negeri anda. Kongsikan pautan laman sesawang pertubuhan bukan kerajaan tersebut untuk mempromosikan program anjurannya.**

**DIMENSI MORAL**

Terangkan emosi moral anda apabila dapat melibatkan diri dalam program komuniti seperti yang di atas.

**D** **Perhatikan gambar di bawah.**



Permainan dalam talian

Generasi muda kini lebih suka menghabiskan masa lapang dengan permainan dalam talian daripada melibatkan diri dalam program komuniti. Lakukan aktiviti Sumbang Saran (Brainstorming) tentang cara mengatasi isu ini.



## REFLEKSI

Bagaimanakah anda dapat menggalakkan rakan melibatkan diri dalam program komuniti?

Di negara kita, penglibatan diri dalam program komuniti secara paksaan lebih banyak berlaku berbanding dengan penglibatan diri secara sukarela. Berikan komen anda.

## DILEMA MORAL

Anda merupakan sukarelawan sebuah pertubuhan di Malaysia. Negara jiran sedang dilanda wabak berbahaya. Anda terpilih untuk mengikuti misi bantuan kemanusiaan ke negara tersebut. Keluarga anda amat khuatir akan keselamatan diri anda. Apakah tindakan yang wajar anda lakukan? Justifikasikan tindakan anda.

## PENGAYAAN

**A** Penjagaan alam sekitar merupakan salah satu program komuniti yang patut diberikan keutamaan oleh masyarakat Malaysia. Teliti maklumat di bawah yang menunjukkan dasar baharu yang diperkenalkan di negara kita.

# DASAR KEBERSIHAN NEGARA

**Merupakan inisiatif kerajaan untuk mewujudkan sebuah negara yang bersih, mampan dan sejahtera melalui pembudayaan amalan kebersihan diri, keluarga, komuniti dan masyarakat dalam usaha melestarikan alam sekitar.**

## KLUSTER DASAR KEBERSIHAN NEGARA

**Pelaksanaan dasar ini memberikan fokus kepada lima (5) kluster:**

1. Kesedaran tentang kebersihan
2. Kelestarian alam sekitar
3. Ekonomi kitaran (*Circular economy*)
4. Tadbir urus dan penguatkuasaan
5. Modal insan yang berkualiti dan berkemahiran

## SASARAN DASAR KEBERSIHAN NEGARA TAHUN 2030

- Perubahan minda dan sikap masyarakat tentang aspek penjagaan kebersihan diri, keluarga, komuniti dan alam sekitar.
- Peningkatan kesedaran dan tanggungjawab dalam aspek kebersihan pada setiap lapisan masyarakat melalui promosi dan publisiti berterusan.
- Peningkatan tahap kebersihan negara.
- Pengurangan pencemaran alam sekitar.
- Pengurangan sisa dihantar ke tapak pelupusan dan peningkatan kadar kitar semula.
- Penurunan kes penyakit bawaan vektor.
- Peningkatan kualiti dan kemahiran pekerja dalam sektor pembersihan.
- Peningkatan penglibatan aktif komuniti, pertubuhan bukan kerajaan dan pihak swasta dalam program yang dilaksanakan.
- Pengukuhan tadbir urus dan penguatkuasaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.
- Pengurangan pembiayaan kerajaan bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

(Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

1. Bolehkah dasar ini direalisasikan pada tahun 2030 sekiranya badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan bekerjasama? Justifikasikan jawapan anda.
2. Cari maklumat tambahan tentang lima kluster Dasar Kebersihan Negara.
3. Bincangkan kepentingan dasar ini dalam pembangunan komuniti.
4. Berikan cadangan anda tentang cara menjayakan dasar ini.

**B** **Secara berkumpulan, laksanakan program "Minggu Wira Alam Sekitar" dengan kerjasama badan kerajaan atau pertubuhan bukan kerajaan. Cadangan aktiviti yang boleh dilaksanakan adalah seperti yang berikut:**

**CADANGAN AKTIVITI**

1. Ceramah kesedaran alam sekitar
2. Aktiviti sifar sampah
3. Aktiviti menghasilkan baja organik dengan menggunakan sisa makanan
4. Pertandingan inovasi bahan kitar semula yang dapat dikomersialkan
5. Pameran hasil inovasi kepada orang awam



1. Bagaimanakah badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan dapat membantu anda merealisasikan program tersebut?
2. Lakukan refleksi program anda bersama-sama dengan rakan di dalam kelas.

Sejauh manakah penglibatan komuniti dalam penjagaan alam sekitar memudahkan usaha kerajaan untuk melestarikan alam?

## PEMULIHAN

**A** **Maklumat di bawah disebarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.**




(Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat)

1. Adakah anda berminat untuk menjadi sukarelawan dalam program komuniti seperti ini? Berikan komen anda.
2. Nyatakan jenis bantuan yang ingin anda berikan jika berpeluang untuk membantu golongan yang memerlukan. Mengapa?
3. Nyatakan cara untuk mendaftarkan diri sebagai sukarelawan.
4. Huraikan cara untuk menghebahkan program komuniti badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.

Darshana, saya ternampak poster yang memerlukan bantuan sukarelawan tadi. Saya teringin untuk menyertainya tetapi saya bimbang dan gementar apabila berhadapan dengan orang ramai.



Cadangkan cara anda membantu rakan Darshana melibatkan diri dalam program komuniti.

**B** **Situasi di bawah menunjukkan keperluan penglibatan diri dalam program komuniti bersama-sama dengan badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.**

**Kutipan Dana untuk Pembedahan Jantung Bayi**
Bayi berusia tujuh bulan memerlukan bantuan orang ramai untuk menampung kos pembedahan bagi menutup lubang pada jantung dan membetulkan saluran injap.

Bayi memerlukan bantuan kewangan untuk pembedahan.

Kempen kesedaran yang dilakukan oleh badan kerajaan.






Program gotong-royong membersihkan pantai.

Jelaskan implikasi jika kurangnya penglibatan masyarakat dalam program komuniti berdasarkan setiap situasi di atas.

Apakah perasaan anda apabila dapat melibatkan diri sebagai sukarelawan? Huraikan.

## REFLEKSI

Sikap segelintir pihak memberikan maklumat palsu untuk mendapatkan wang semata-mata menyebabkan penglibatan diri dalam program komuniti semakin kurang. Berikan pendapat anda.

8

## PENILAIAN

**A** **Teliti maklumat, kemudian jawab soalan di bawah.**

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

**Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR) atau Home Help Services diperkenalkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan merupakan salah satu Program Pendampingan Sosial (outreach programme) kepada klien-klien terutamanya Warga Emas (WE) dan Orang Kurang Upaya (OKU) dengan penglibatan semua pihak termasuk agensi kerajaan dan komuniti setempat**

Jabatan KEBAJIKAN Masyarakat

### OBJEKTIF

Memberikan bantuan dan sokongan kepada warga emas dan OKU menjalani kehidupan harian mereka dengan lebih selesa, dihormati dan tidak berasa diri mereka disisihkan;

Memberikan bantuan dan sokongan kepada keluarga yang menjaga warga emas dan OKU supaya terus mengambil tanggungjawab menjaga dan melindungi anggota keluarga yang tergolong sebagai warga emas dan OKU;

Menggerakkan peranan masyarakat dalam usaha membantu warga emas dan OKU atau keluarga yang menjaga warga emas dan OKU selaras dengan konsep masyarakat penyayang;

dan

Menggalakkan warga emas dan OKU terus tinggal di kediaman masing-masing dan hidup dalam suasana kekeluargaan dan masyarakat.

(Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat)

1. Bersetujukah anda bahawa penglibatan diri dalam program komuniti sangat penting untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh negara kita? Bincangkan.
2. Ramalkan implikasi jika kurangnya penglibatan masyarakat dalam program seperti yang di atas.
3. Berikan contoh program komuniti yang boleh dilaksanakan bersama-sama dengan badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.

**B** **Kesibukan dan tuntutan kerja pada masa ini menyebabkan individu tidak dapat melibatkan diri dalam program komuniti. Bagaimanakah anda dapat menggalakkan individu menggunakan e-komuniti sebagai platform untuk terlibat dalam program komuniti?**

**C** **Situasi di bawah merupakan aktiviti pembelajaran berkhidmat (service learning) yang dilakukan oleh sekumpulan murid sekolah menengah.**





Contoh aktiviti pembelajaran berkhidmat (service learning)

1. Secara berkumpulan, lakukan aktiviti tersebut dengan kerjasama badan kerajaan atau pertubuhan bukan kerajaan.
2. Kongsikan montaj aktiviti anda melalui aplikasi media sosial.

# UNIT 9
# KERJASAMA MASYARAKAT GLOBAL



**Dalam unit ini, murid dapat:**

**7.2.1** memberikan contoh kerjasama dalam masyarakat global.
**7.2.2** menjelaskan kepentingan bekerjasama dalam masyarakat global.
**7.2.3** menghuraikan cabaran bekerjasama dalam masyarakat global.
**7.2.4** memerihalkan kesan pengabaian sikap kerjasama dalam masyarakat global.
**7.2.5** mengekspresikan perasaan apabila bekerjasama dalam masyarakat global.
**7.2.6** mengamalkan sikap kerjasama dalam masyarakat global.



## Mengapakah kita perlu mengekalkan kerjasama dalam masyarakat global?

**CADANGAN NILAI**

- Kerjasama
- Toleransi
- Baik hati
- Harga diri
- Keberanian

## KONSEP

Masyarakat global mempunyai pelbagai perbezaan dari aspek politik, ekonomi dan sosial. Walaupun terdapat jurang antara negara, setiap pihak masih memerlukan antara satu sama lain. Oleh itu, kerjasama antara masyarakat global penting untuk keharmonian sejagat. Kini, kerjasama dalam masyarakat global wujud dalam pelbagai bidang. Contoh kerjasama tersebut adalah seperti yang berikut:

### CONTOH KERJASAMA DALAM MASYARAKAT GLOBAL

**Pendidikan**

- Program pertukaran pelajar
- Program biasiswa di bawah pertubuhan antarabangsa

**Sains dan teknologi**

- Program pertukaran kepakaran dalam teknologi perubatan
- Program pertukaran inovasi produk

**Ekonomi**

- Program kerjasama perdagangan antarabangsa
- Program kerjasama dalam sumber tenaga kerja

**Keamanan dan keselamatan**

- Program misi bantuan
- Hari Keamanan Antarabangsa

**Sosial**

- Program kerjasama pembangunan sosial serantau
- Tahun Melawat ASEAN

Pusat Hubungan Antarabangsa (UKM Global)
ukm.my/pha/
(Dicapai pada 5 Ogos 2020)

Kerjasama dalam masyarakat global amat penting bagi memelihara dan mengekalkan kesejahteraan dan keamanan global. Pelbagai pihak memperoleh banyak manfaat apabila menjalinkan kerjasama global ini. Kerjasama ini perlu dikekalkan agar dapat mengelakkan perselisihan dan konflik antara satu sama lain. Yang berikut ialah kepentingan bekerjasama dalam masyarakat global:




9

Kerjasama juga dapat mewujudkan suatu jalinan perkongsian idea dan pendapat dalam membentuk persefahaman masyarakat global. Kejayaan sesuatu kerjasama ini bergantung pada kesanggupan semua pihak dalam menghadapi pelbagai cabaran. Antaranya termasuklah cabaran seperti yang di bawah:

## CABARAN BEKERJASAMA DALAM MASYARAKAT GLOBAL

**Budaya dan bahasa**

- Pengaruh negatif budaya luar
- Perbezaan norma masyarakat
- Perbezaan bahasa

**Politik**

- Perbezaan sistem pentadbiran negara
- Perbezaan ideologi dan pemikiran
- Perbezaan peraturan dan undang-undang

**Ekonomi**

- Perbezaan nilai mata wang
- Perbezaan sumber ekonomi
- Perbezaan teknologi dan produktiviti

**Geografi**

- Perbezaan bentuk muka bumi sesebuah negara
- Perbezaan zon masa dunia
- Perbezaan iklim sesebuah negara

Kegagalan masyarakat global dalam menghadapi pelbagai cabaran untuk membentuk kerjasama memberikan kesan negatif kepada keamanan dunia. Pengabaian sikap kerjasama ini sudah pasti mengakibatkan masyarakat global berpecah belah dan saling bermusuhan. Kesan pengabaian sikap kerjasama dalam masyarakat global adalah seperti yang berikut:




Kerjasama global ini dapat menyatukan masyarakat dunia. Dengan adanya kerjasama ini, setiap anggota masyarakat akan sentiasa bersyukur, gembira, hormat dan saling menyayangi bagi mengekalkan kesejahteraan global.

9

## PENGUKUHAN

**A** **Secara berkumpulan, bincangkan penglibatan masyarakat global dalam pembangunan sukan negara.**


Bola jaring


Badminton


Bola sepak


Skuasy

Adakah kerjasama ini memberikan kesan kepada pemain tempatan? Justifikasikan jawapan anda.

Berikan contoh kerjasama lain dalam bidang sukan yang melibatkan masyarakat global.

Sejauh manakah kerjasama dalam pengambilan pemain dan jurulatih import mampu meningkatkan prestasi sukan negara?



7.2.1, 7.2.2, 7.2.3, 7.2.4

**B** **Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, cari penyelesaian situasi tersebut dengan menggunakan teknik penyelesaian masalah.**

**Situasi**

Negara X dan negara Y menjalinkan kerjasama dalam bidang telekomunikasi. Dalam satu perlawanan hoki persahabatan, kedua-dua negara tersebut turut menyertainya. Penyokong negara X telah bertindak agresif dengan merosakkan kerusi dan membaling botol ke arah penyokong negara Y yang memenangi perlawanan tersebut. Terdapat beberapa orang penyokong yang mengalami kecederaan. Suasana di dalam stadium juga menjadi kecoh. Kejadian tersebut menimbulkan kebimbangan negara X terhadap hubungannya dengan negara Y yang mempunyai kepakaran tinggi dalam bidang telekomunikasi pada peringkat dunia.




Teknik penyelesaian masalah

1. Bentangkan hasil perbincangan anda di hadapan kelas.
2. Terangkan cabaran lain yang wujud dalam hubungan kerjasama masyarakat global.

## DILEMA MORAL

Syarikat anda telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan sebuah syarikat dari luar negara dalam bidang pengeluaran produk makanan. Jualan produk makanan tersebut sangat menguntungkan dan diterima dengan baik di negara anda. Syarikat tersebut juga telah memperkenalkan produk baharu untuk pasaran negara anda. Namun begitu, anda mendapati produk tersebut boleh memudaratkan kesihatan kanak-kanak. Anda khuatir untuk menolak produk yang baru diperkenalkan itu kerana akan menjejaskan hubungan kerjasama yang telah lama terjalin. Apakah tindakan yang patut anda ambil? Berikan alasan anda.

**C** **Laksanakan forum yang bertajuk "Cabaran Kerjasama Masyarakat Global dalam Misi Bantuan Kemanusiaan di Luar Negara" berdasarkan maklumat di bawah.**

- Perbezaan bahasa
- Perbezaan kepakaran dan teknologi
- Risiko keselamatan diri
- Kekurangan bekalan makanan dan perubatan



Contoh misi bantuan kemanusiaan di luar negara

[Foto: Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC)]



## DIMENSI MORAL

Bagaimanakah domain dimensi moral boleh digunakan untuk mewujudkan kerjasama dalam misi bantuan seperti yang di atas?

## REFLEKSI

Keprihatinan terhadap kerjasama dalam masyarakat global semakin mendapat perhatian masyarakat pada masa ini. Berikan komen anda.

## PENGAYAAN

**A** **Secara berkumpulan, teliti maklumat dan laksanakan tugasan yang diberikan.**



Kompleks Dayabumi

(Foto: www.klcc.com.my)
Dicapai pada 19 Ogos 2020

**Tempoh Pembinaan: 1982 – 1984**
**Perasmian: 5 Mei 1984**
**Bilangan tingkat: 35 tingkat**

**Pembinaan melibatkan kerjasama dari segi teknologi dan pengetahuan dengan negara luar.**

(Sumber: hids.arkib.gov.my)
Dicapai pada 19 Ogos 2020

1. Kenal pasti kerjasama antara Malaysia dengan negara luar dalam bidang seni bina.
2. Hasilkan video pendek yang bertajuk "Kerjasama Masyarakat Global dalam Sektor Pembinaan" dengan memasukkan elemen berikut:
   a. Struktur pembinaan
   b. Teknologi yang diguna pakai
   c. Seni reka bentuk
3. Muat naik video pendek tersebut dalam media sosial.

Bagaimanakah kerjasama masyarakat global boleh menguntungkan negara?

**B** **Laksanakan aktiviti Fikir-Pasang-Kongsi (Think-Pair-Share) dengan mengenal pasti jenis kerjasama masyarakat global yang ditonjolkan. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.**



Teknologi perubatan




Perbankan digital



Pertukaran budaya




Pertukaran pelajar

(Foto: UKM Global)

1. Jelaskan kerjasama yang dilaksanakan dalam setiap bidang.
2. Bagaimanakah kerjasama ini dapat dilaksanakan dalam negara kita?
3. Apakah kesan sekiranya kita mengabaikan kerjasama dalam masyarakat global?
4. Adakah sesebuah negara akan maju tanpa kerjasama masyarakat global?
5. Huraikan cabaran yang akan dihadapi oleh setiap negara melalui kerjasama masyarakat global.

7.2.1, 7.2.2, 7.2.3, 7.2.4

## PEMULIHAN

**A** **Secara berkumpulan, lihat gambar dan jawab soalan di bawah.**

**DAHULU**



**SEKARANG**





1. Bincangkan revolusi dalam bidang pembuatan dan perindustrian kereta.
2. Nyatakan kepentingan revolusi dalam bidang pembuatan dan perindustrian kereta kepada masyarakat global.
3. Bagaimanakah masyarakat global dapat memberikan kerjasama dalam menjayakan revolusi ini?



Jelaskan amalan kerjasama masyarakat global yang boleh menyumbang kepada revolusi perindustrian.

4. Nyatakan revolusi yang boleh dijayakan dengan kerjasama masyarakat global dalam melestarikan alam sekitar.
5. Jelaskan kesan sekiranya tiada kerjasama antara masyarakat global dalam memelihara alam sekitar.
6. Nyatakan nilai universal yang patut diamalkan oleh masyarakat global untuk melestarikan alam sekitar.

## PENILAIAN

**A** **Baca dan fahami maklumat di bawah. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.**





Jambori Pengakap Sedunia (World Scout Jamboree) merupakan Perhimpunan Pengakap Antarabangsa yang diadakan setiap empat tahun. Jambori ini bermula di London, United Kingdom pada tahun 1920.

Edisi Jambori Pengakap Sedunia ke-24 telah diadakan di Amerika Utara pada tahun 2019 yang dianjurkan bersama oleh World Organization of the Scout Movement (WOSM), Amerika Syarikat, Kanada dan Mexico. Jambori ini telah disertai oleh 47 000 orang pengakap muda, remaja dan pemimpin dewasa dari 161 buah negara termasuk Kontinjen Pengakap Malaysia. Jambori ini juga memberikan peluang kepada semua pihak yang terlibat untuk sama-sama memupuk kerjasama masyarakat global.

(Sumber: Persekutuan Pengakap Malaysia)



1. Apakah nilai universal yang perlu diamalkan oleh pengakap dalam perkhemahan ini?
2. Bagaimanakah peserta perkhemahan ini dapat menjalinkan kerjasama antara satu sama lain?
3. Jelaskan kepentingan menjalinkan kerjasama dalam masyarakat global.
4. Huraikan cabaran yang dihadapi dalam menjalinkan kerjasama dalam masyarakat global.

**B** **Jawab soalan esei di bawah.**

Kini, sikap kepedulian dalam menjalinkan kerjasama dalam masyarakat global semakin pudar. Bincangkan.

**C** **Anjurkan e-pameran buku antarabangsa secara digital berdasarkan panduan yang diberikan.**









**PANDUAN PELAKSANAAN:**

1. Kumpulkan buku dan bahan bacaan luar negara secara digital.
2. Pastikan bahan bacaan tersebut mendapat kebenaran hak cipta.
3. Sediakan sinopsis buku yang dikumpulkan.
4. Bina laman sesawang e-pameran dengan memuatkan buku-buku hasil carian.
5. Sediakan ruang komen pembaca dan bahagian penterjemahan kata.
6. Promosikan e-pameran buku tersebut di sekolah.

# UNIT 10 PENGURUSAN KEWANGAN SECARA BERETIKA MENJAMIN KEHARMONIAN HIDUP



(Foto: https://sentrarumah.com)
Dicapai pada 19 Ogos 2020

**Dalam unit ini, murid dapat:**

**7.3.1** menyenaraikan pelbagai sumber kewangan yang diperoleh secara beretika.
**7.3.2** mengenal pasti cara menguruskan kewangan secara beretika.
**7.3.3** mencerakinkan kepentingan pengurusan kewangan secara beretika.
**7.3.4** meramalkan kesan pengurusan kewangan secara tidak beretika.
**7.3.5** mengekspresikan perasaan apabila menguruskan kewangan secara beretika.
**7.3.6** mempraktikkan amalan pengurusan kewangan secara beretika.

## Adakah anda mempunyai perancangan pengurusan kewangan?




### CADANGAN NILAI

- Kesederhanaan
- Bertanggungjawab
- Rasional
- Berdikari
- Kerajinan

## KONSEP

Pengurusan kewangan merupakan tindakan merancang pendapatan dan perbelanjaan secara berhemat dalam kehidupan harian agar segala keperluan dan kehendak dapat dicapai secara efisien. Pengurusan kewangan secara beretika perlulah dipelajari dan diamalkan oleh setiap individu bagi memastikan sumber kewangan yang diperoleh mengikut peraturan dan undang-undang. Terdapat pelbagai sumber kewangan yang boleh diperoleh secara beretika.



Setiap individu menginginkan kedudukan kewangan yang stabil dan kukuh. Sehubungan dengan itu, kita perlulah mempunyai perancangan kewangan yang berkesan agar kewangan dapat diurus secara bijak. Yang berikut ialah cara mengurus kewangan secara beretika:

## CARA MENGURUS KEWANGAN SECARA BERETIKA

- Mengurus pendapatan dan perbelanjaan secara berhemat
- Membuat simpanan untuk waktu kecemasan
- Menyertai skim pelaburan yang diiktiraf
- Melindungi pendapatan dan simpanan dengan insurans
- Membuat pinjaman mengikut kemampuan
- Membuat bayaran pinjaman secara konsisten
- Memiliki aset tetap
- Merancang kewangan untuk simpanan hari tua
- Memperuntukkan wang untuk membayar cukai
- Membuat tabungan daripada lebihan pendapatan dan tabungan jangka panjang

Pengurusan kewangan secara beretika menuntut disiplin yang tinggi dalam diri setiap individu. Tindakan ini akan memberikan kebaikan pada masa depan. Banyak kepentingannya jika kewangan dapat diurus secara beretika seperti perkara yang di bawah:

## KEPENTINGAN PENGURUSAN KEWANGAN SECARA BERETIKA

**Mengurangkan bebanan kewangan**
- Meningkatkan simpanan agar pulangan dividen bertambah
- Mengelakkan pinjaman yang tidak sepatutnya

**Mengelakkan kes penipuan dan transaksi haram**
- Menyertai skim pelaburan yang sah
- Membuat tinjauan sebelum memuktamadkan sebarang urus niaga

**Kuasa beli yang tinggi**
- Memaksimumkan kepuasan pemilik
- Menjanakan pertumbuhan ekonomi negara

**Menjamin masa depan yang sejahtera**
- Memiliki harta kekal
- Mempunyai tambahan kewangan daripada pelaburan

Terdapat individu yang kurang kesedaran tentang pengurusan kewangan secara beretika. Mereka bersikap tamak dan ingin memperoleh pendapatan segera melalui pelaburan dan pinjaman yang tidak sah. Pengurusan kewangan yang tidak beretika ini akan memberikan kesan negatif dalam kehidupan.

## KESAN PENGURUSAN KEWANGAN SECARA TIDAK BERETIKA

- Kadar muflis meningkat
- Pemberi hutang yang tidak berlesen bertambah
- Keberhutangan dalam kalangan rakyat meningkat
- Wujud komuniti yang boros
- Kesan psikologi kepada individu
- Keselamatan keluarga terjejas

Kita mestilah sentiasa mempraktikkan pengurusan kewangan secara beretika untuk menikmati kehidupan yang lebih gembira dan tenang. Selain itu, nilai universal seperti kesederhanaan, bertanggungjawab dan rasional yang diamalkan dapat melahirkan individu yang berkemahiran dalam pengurusan kewangan.



## PENGUKUHAN

**A** **Teliti dan fahami cara mengurus kewangan dengan beretika yang dapat dipraktikkan dalam kehidupan harian.**

**Rajah 1**

**Kaedah pengurusan kewangan:**

Pendapatan kasar – Simpanan = Pendapatan kasar

Sejumlah wang disaran disimpan sekurang-kurangnya 10%.



Pendapatan kasar – Simpanan – Perbelanjaan = Pendapatan bersih

Sekiranya terdapat lebihan wang, maka pelaburan boleh dibuat.



005229/8/2020 GAJI BULAN Ogos 2020

NAMA : [redacted] NO. K/P : [redacted]
BAHAGIAN : [redacted] NO. PEKERJA : [redacted]
BANK : [redacted] NO. PENCEN : [redacted]
NO. AKAUN : [redacted] NO.:CUKAI : [redacted]

| Pendapatan | Amaun (RM) | Potongan | Amaun (RM) |
|---|---|---|---|
| GAJI POKOK | 3,502.00 | LEMBAGA TABUNG HAJI (LTH) | 200.00 |
| BANTUAN SARA HIDUP | 350.00 | CUKAI PENDAPATAN (LHDN) | 2.65 |
| IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM | 160.00 | BADAN KELUARGA | 15.00 |
| IMBUHAN TETAP PERUMAHAN | 300.00 | PUSAT PUNGUTAN ZAKAT | 60.00 |
| | | AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD | 50.00 |
| | | KOPERASI | 151.00 |
| | | PTPTN (SSPN-i) | 60.00 |
| Jumlah Pendapatan | 4,312.00 | Jumlah Potongan | 538.65 |
| | | Gaji Bersih | 3,773.35 |

Pendapatan bersih – Pelaburan = Perbelanjaan tambahan (Perbelanjaan budi bicara)

Lebihan pendapatan daripada pelaburan boleh digunakan sebagai perbelanjaan tambahan.




[Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)]

10

Andaikan anda menerima pendapatan bulanan sebanyak RM5000.00. Rancang pengurusan kewangan secara beretika dengan menggunakan lejar di bawah berpandukan rajah pada halaman 142.

## JUMLAH PERBELANJAAN

| BELANJAWAN | | |
|---|---|---|
| **Pendapatan** | **Perbelanjaan asas** | **Catatan** |
| RM5000.00 | • Perbelanjaan dapur | XX.XX |
| | • Makan dan minum | XX.XX |
| | • Kesihatan | XX.XX |
| | • Pelaburan | XX.XX |
| | • Insurans | XX.XX |
| Baki | | |

Bandingkan pengurusan kewangan anda dengan rakan.

Justifikasikan perancangan pengurusan kewangan anda.

Bagaimanakah anda mengetahui pengurusan kewangan yang dilakukan itu beretika?

Buat penambahbaikan terhadap pengurusan kewangan yang telah anda lakukan.

Salah satu panduan pengurusan kewangan yang baik adalah dengan membuat pelaburan daripada lebihan pendapatan. Adakah anda bersetuju? Bincangkan.

**B** **Baca tajuk keratan akhbar di bawah. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.**


Labur untuk masa depan

MUKADIMAH

Kes 1 : Beli rumah untuk disewa

Senaraikan bentuk pelaburan yang beretika.

**Amalan menabung mampu biaya pengajian tinggi**

Mengapakah tabungan masa depan penting dalam pengurusan kewangan secara beretika?

**Golongan belia perlu bijak urus kewangan peribadi**

Strategi bersesuaian dapat bantu capai matlamat masa depan

Cadangkan amalan pengurusan kewangan secara beretika dalam kalangan golongan belia.

### NILAI UNIVERSAL

Sejauh manakah nilai universal mampu melatih seorang individu mempraktikkan amalan pengurusan kewangan secara beretika?

### REFLEKSI

Bagaimanakah pengurusan kewangan yang beretika mempengaruhi anda berbelanja secara berhemat?



7.3.2, 7.3.3, 7.3.4, 7.3.6

**C** **Secara berkumpulan, kenal pasti dan bincangkan aset yang boleh menjanakan pendapatan secara beretika. Bentangkan hasil dapatan secara kreatif.**



Penternakan



Perladangan



Pertanian



Hartanah



Peruncitan



Perikanan

**D** **Banding bezakan hasil dapatan anda dengan kumpulan lain, kemudian buat laporan ringkas.**

Segelintir golongan muda lebih suka menukar kereta kepada kereta idaman daripada membeli rumah. Bincangkan.

10

## PENGAYAAN

**A** **Secara berkumpulan, cari dan analisis maklumat pelaburan yang ditawarkan oleh institusi kewangan untuk merancang masa depan anda. Layari laman sesawang institusi kewangan tersebut untuk mendapatkan maklumat.**

PHNB
Pelaburan Hartanah Nasional Berhad

SSPN-i Plus
SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL

1. Kenal pasti kelebihan produk tersebut dan kongsikannya di dalam kelas.
2. Dengan menggunakan kepelbagaian perisian teknologi maklumat, pamerkan maklumat yang diperoleh secara kreatif di Sudut Pendidikan Moral di dalam kelas.

**B** **Berdasarkan tabungan yang ada, buat perancangan untuk mengubah suai bilik tidur anda dengan kreatif. Dalam proses pengubahsuaian tersebut, anda perlu mempraktikkan amalan pengurusan kewangan secara beretika. Bentangkan rancangan pengurusan kewangan anda di dalam kelas.**



Bilik tidur yang telah diubah suai

**C** **Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, jawab soalan yang berkaitan dengan situasi tersebut.**

John Tam merupakan pemilik Syarikat JT yang menjual barangan perabot. Dalam setiap urus niaga, syarikat akan menyimpan semua salinan resit, invois dan dokumen lain secara sistematik. Pelanggan Syarikat JT akan menerima resit rasmi, manakala syarikat pengilang dan pembekal akan mengeluarkan invois. Semua urusan jual beli ini direkodkan dalam sistem komputer. Perekodan ini dibuat dalam sistem komputer bagi memudahkan syarikat membuat penyata kewangan pada setiap tahun. Tujuannya adalah untuk mengetahui keuntungan dan kerugian syarikat selain memudahkan penyediaan laporan tahunan kewangan syarikat. Sebagai pemilik Syarikat JT yang bertanggungjawab, John Tam juga membayar cukai setiap hasil keuntungan syarikat.

1. Adakah syarikat ini mengamalkan pengurusan kewangan secara beretika? Bincangkan.
2. Mengapakah perancangan kewangan sangat penting bagi seorang ahli perniagaan?
3. Andaikan anda ahli perniagaan, jelaskan perasaan anda sekiranya berjaya mempraktikkan pengurusan kewangan secara beretika.
4. Sejauh manakah amalan pengurusan kewangan yang beretika dapat membantu dalam pembangunan ekonomi negara?

## DILEMA MORAL

Samy baru sahaja menghabiskan pengajiannya dalam bidang perniagaan. Dia bercita-cita tinggi untuk memulakan perniagaan. Samy bercadang untuk membuat pinjaman bank. Namun begitu, bank tidak meluluskan pinjamannya kerana dia tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Samy tetap ingin menjalankan perniagaannya. Apakah tindakan yang patut dilakukannya? Justifikasikan jawapan anda.

## PEMULIHAN

**A** **Teliti situasi dan jawab soalan di bawah.**

Anda mempunyai sejumlah wang. Anda bercadang untuk menukar telefon yang sedia ada kepada telefon yang lebih popular pada masa ini.




Adakah menukar telefon ini satu keperluan atau kehendak? Jelaskan.

Bagaimanakah anda mempraktikkan pengurusan kewangan secara beretika ketika membuat keputusan tersebut?

## DIMENSI MORAL

Bagaimanakah penaakulan moral dapat membantu anda membuat pilihan yang bijak?

**B** **Baca maklumat di bawah dan jawab soalan yang diberikan.**

## TANDA ANDA BAKAL MUFLIS

- **Aset anda telah atau bakal ditarik balik.**
- **Menggunakan kad kredit sehingga had kredit dan tidak mampu membuat bayaran minimum.**
- **Anda membuat pindahan kad kredit kepada tunai kerana kurang aliran tunai.**
- **Anda terlepas membuat bayaran bulanan kerana hutang anda terlalu tinggi.**
- **Anda mempunyai rekod kredit yang buruk.**
- **Anda tidak mempunyai simpanan.**

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Jabatan Pendidikan Kewangan AKPK)

1. Apakah sebab seseorang individu diisytiharkan muflis pada usia muda?
2. Ramalkan kesan yang akan berlaku sekiranya anda diisytiharkan muflis.
3. Bagaimanakah pihak perunding kewangan boleh membantu anda menyelesaikan masalah ini?
4. Sejauh manakah pengurusan kewangan anda memberikan kesan kepada emosi?

## PENILAIAN

**A** **Lihat gambar, kemudian jawab soalan yang diberikan.**

| **Gambar A**<br>Boros berbelanja | **Gambar B**<br>Menyesal kerana bersikap boros |
|---|---|





1. Jelaskan perasaan anda apabila melihat gambar di atas.
2. Senaraikan kepentingan pengurusan kewangan secara beretika bagi mengelakkan daripada berlakunya perkara seperti gambar B.
3. Ramalkan kesan jangka panjang sekiranya situasi gambar A diamalkan dalam kehidupan harian.
4. Huraikan pengajaran yang diperoleh daripada kedua-dua gambar di atas.



**B** **Bagaimanakah pelaburan yang beretika mampu menjamin kestabilan kewangan anda? Bincangkan.**

**C** **Fahami contoh garis masa kehidupan di bawah. Kemudian, laksanakan kajian masa depan tentang impian garis masa kehidupan anda yang berkaitan dengan pengurusan kewangan secara beretika. Hasilkan video informasi, kemudian sebarkannya secara digital.**



# UNIT 11 MALAYSIA UNGGUL DI MATA DUNIA



**Dalam unit ini, murid dapat:**

**7.4.1** memerihalkan contoh kejayaan Malaysia yang dibanggakan di persada dunia.
**7.4.2** menjelaskan cara mengharumkan nama negara di persada dunia.
**7.4.3** menghuraikan kepentingan mengharumkan nama negara di persada dunia.
**7.4.4** mencerakinkan cabaran dalam mengharumkan nama negara di persada dunia.
**7.4.5** mengekspresikan perasaan apabila mengharumkan nama negara di persada dunia.
**7.4.6** melibatkan diri dalam aktiviti yang boleh mengharumkan nama negara di persada dunia dalam kehidupan harian.

## Apakah usaha yang boleh diambil untuk mengharumkan nama negara?



### CADANGAN NILAI

- Patriotisme
- Kerajinan
- Berdikari
- Keberanian
- Hemah tinggi

11

## KONSEP

Malaysia telah mencapai kejayaan dan menempa nama di persada dunia. Malaysia juga sudah mendapat penghormatan untuk menyuarakan pandangan tentang isu-isu dunia dalam persidangan antarabangsa. Kejayaan Malaysia dalam pelbagai bidang dapat dilihat melalui pengiktirafan pada peringkat dunia. Antara contoh kejayaan Malaysia yang membanggakan di persada dunia termasuklah dalam bidang seperti yang di bawah:

### CONTOH KEJAYAAN MALAYSIA YANG

**BIDANG PERINDUSTRIAN**

**Industri Automobil**
- Kereta tempatan dieksport ke luar negara

**Industri Pemakanan**
- Rempah-ratus, produk dingin beku menembusi pasaran antarabangsa

**Industri Pembuatan**
- Teknologi penghasilan sarung tangan



**Malaysia Menjadi Tuan Rumah**
- Sukan Komanwel, Sukan SEA, Piala Monsun, Grand Prix Formula I

**Melahirkan Juara Dunia**
- Badminton, skuasy, renang, paralimpik

**Litar Lumba Bertaraf Antarabangsa**
- Litar Antarabangsa Sepang, Velodrom Nasional Malaysia

**BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI**

**Sistem Satelit Komunikasi**
- Malaysia East Asia Satellite (MEASAT)

**Program Angkasawan Negara**
- Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al Masrie bin Sheikh Mustapha terpilih sebagai angkasawan negara pertama di National Aeronautics and Space Administration (NASA)





**BIDANG PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN**

**Lapangan Terbang Bertaraf Dunia**
- Kuala Lumpur International Airport (KLIA)

**Sistem Jaringan Jalan Raya yang Baik**
- Lebuhraya Utara-Selatan, Lebuhraya Pantai Timur, Jambatan Pulau Pinang

**Sistem Pengangkutan Bertaraf Dunia**
- Mass Rapid Transit (MRT), Light Rapid Transit (LRT), Express Rail Link (ERL)

## DIBANGGAKAN DI PERSADA DUNIA



**BIDANG KESUKANAN**



**BIDANG PELANCONGAN**

**Ekopelancongan yang Menarik**
- Pulau, gua, taman rekreasi, kawasan tanah tinggi, hutan simpan

**Seni Bina yang Unik**
- Menara Berkembar Petronas (KLCC), Istana Seri Menanti Negeri Sembilan, Pintasan Saloma

**Tapak Warisan Dunia yang Diiktiraf oleh United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)**
- Taman Negara Kinabalu, Sabah; Taman Negara Mulu, Sarawak; Bandar Bersejarah Melaka dan Georgetown, Pulau Pinang; Warisan Arkeologi Lembah Lenggong, Perak.

Rakyat berwawasan menjadi pemangkin dalam merealisasikan hala tuju negara untuk memperoleh pengiktirafan dunia. Kejayaan yang membanggakan di pentas dunia tidak mungkin tercapai tanpa usaha yang gigih daripada semua pihak. Maka, seluruh rakyat perlu berusaha untuk mengharumkan nama negara dengan pelbagai cara seperti yang di bawah:

## CARA MENGHARUMKAN NAMA NEGARA DI PERSADA DUNIA

- Mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang
- Menaik taraf dan membuat penjenamaan semula untuk tempat-tempat pelancongan
- Memelihara warisan negara
- Membuat pameran tentang keunikan budaya pada peringkat antarabangsa
- Melibatkan diri dalam pelbagai pertandingan antarabangsa
- Mereka cipta inovasi baharu dalam bidang sains dan teknologi
- Menganjurkan persidangan dan karnival pada peringkat antarabangsa

Sesetengah negara dikenali pada peringkat antarabangsa kerana kejayaan dan pencapaian rakyatnya dalam sesuatu bidang. Kejayaan yang dikecapi ini menjadikan sesebuah negara disanjung dan diiktiraf di mata dunia. Terdapat beberapa kepentingan untuk mengharumkan nama negara di persada dunia.





Sungguhpun kejayaan Malaysia pada peringkat antarabangsa menunjukkan peningkatan, namun rakyat negara ini masih perlu bersaing untuk meletakkan nama negara seiring dengan negara maju yang lain. Banyak cabaran yang perlu dihadapi untuk mengharumkan nama negara di persada dunia. Antaranya termasuklah cabaran seperti yang di bawah:

## CABARAN UNTUK MENGHARUMKAN NAMA NEGARA DI PERSADA DUNIA

- Kekurangan pakar dalam bidang kritikal
- Kekurangan kemudahan dan infrastruktur dalam sesuatu bidang
- Teknologi yang terhad
- Perbezaan budaya dan bahasa antara negara
- Terlalu mengagungkan jenama dari luar negara
- Penyebaran maklumat palsu tentang negara
- Sumber kewangan terhad
- Tidak bekerjasama dan bersikap individualistik
- Kurang sikap kepedulian dan sikap jati diri
- Pemikiran masyarakat yang kurang berdaya maju

Oleh itu, setiap warganegara perlu berganding bahu memikul tanggungjawab untuk menempa nama di mata dunia. Hal ini dapat mewujudkan perasaan bersyukur, gembira dan bangga sebagai rakyat Malaysia yang hidup di negara yang berdaulat.

## PENGUKUHAN

**A** **Tonton video dalam kod QR yang menunjukkan suasana meraikan kemenangan atlet dalam pertandingan antarabangsa. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.**




Atlet negara meraih kejayaan pada peringkat antarabangsa

(Sumber: Kementerian Belia dan Sukan)

1. Apakah rasionalnya lagu *Negaraku* dimainkan dan Jalur Gemilang dinaikkan semasa majlis penyampaian hadiah?
2. Huraikan perasaan anda apabila lagu *Negaraku* diperdengarkan di pentas dunia.

**B** **Secara berkumpulan, bincangkan perkara di bawah dengan menggunakan aktiviti dalam kod QR.**

Pilih bidang yang diminati: Contoh: sukan, kulinari, robotik → Justifikasi pilihan bidang → Inovasi yang akan dilaksanakan

Tanda Bicara (Talking Chips)

### DIMENSI MORAL

Masyarakat sering mengkritik dan menganggap bahawa seseorang atlet yang tidak berjaya dalam sesuatu pertandingan antarabangsa telah memalukan negara di mata dunia. Sekiranya masyarakat menggunakan penaakulan moral dalam kehidupan, apakah tindakan yang sepatutnya dilakukan?

**C** **Sektor pelancongan memainkan peranan utama untuk menaikkan nama negara di mata dunia. Gambar di bawah menunjukkan contoh kempen pelancongan yang dianjurkan oleh kerajaan.**




Contoh kempen pelancongan

(Sumber: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia)

1. Hasilkan satu iklan secara kreatif untuk mempromosikan tempat-tempat pelancongan di negeri anda yang menjadi kebanggaan negara.
2. Promosikan iklan anda dalam pelbagai media.

## REFLEKSI

Vandalisme menjejaskan sektor pelancongan sesebuah negara. Bincangkan.

## DILEMA MORAL

Kishan Singh telah memenangi pertandingan inovasi pada peringkat kebangsaan. Secara tidak langsung, dia akan mewakili negara ke peringkat antarabangsa. Selepas meluangkan masa selama beberapa bulan untuk membuat persediaan bagi pertandingan tersebut, Kishan Singh telah terlibat dalam kemalangan jalan raya yang mengakibatkan kakinya patah. Kishan Singh berada dalam dilema untuk meneruskan penyertaan dalam pertandingan tersebut. Jika anda Kishan Singh, apakah tindakan yang patut anda lakukan?

**D** **Teliti situasi di bawah.**

Thirav, saintis cemerlang yang menjadi kebanggaan negara. Dia merupakan rakyat Malaysia yang berkhidmat di National Aeronautics and Space Administration (NASA), Amerika Syarikat. Ibunya yang berada di Malaysia sering jatuh sakit. Thirav tidak mempunyai saudara-mara yang boleh menjaga ibunya. Dalam masa yang sama, dia menerima tawaran untuk berkhidmat dengan sebuah agensi di tanah air. Sekiranya Thirav pulang ke Malaysia, adakah dia masih boleh mengharumkan nama negara di persada dunia?

Secara berpasangan, laksanakan aktiviti Bola Salji (Snowball) dalam menyelesaikan situasi di atas.

**CARA PELAKSANAAN:**

1. Hasilkan satu penyelesaian bagi situasi di atas.
2. Kongsikan penyelesaian tersebut bersama-sama dengan pasangan anda. Gabungkan dua jawapan menjadi satu jawapan yang dipersetujui bersama.
3. Kongsikan jawapan dengan kumpulan lain.
4. Ulangi proses yang sama. Cara ini boleh mensintesiskan empat jawapan menjadi satu jawapan yang lebih tepat.



Populariti barangan luar negara menjadi saingan kepada barangan tempatan untuk menempa nama di persada dunia. Huraikan.

## PENGAYAAN

**A** **Yang berikut menunjukkan gambar yang dimuat naik dalam media sosial:**




**#SayaSukaMakananMalaysia**
**(#ILoveMalaysianFood)**

**#CabaranMoralTingkatanLima**
**(#F5MoralChallenge)**




1. Lakukan aktiviti #CabaranMoralTingkatanLima dengan menggunakan salah satu tanda pagar (hashtag) dalam media sosial anda. Undang rakan anda untuk bersama-sama menyertai aktiviti ini dan promosikannya pada peringkat antarabangsa.
2. Pada pendapat anda, apakah kewajaran melakukan aktiviti di atas? Bincangkan.
3. Apakah perasaan anda apabila dapat memberikan sumbangan untuk membanggakan negara?

**#BajuTradisionalPilihanSaya (#IChooseTraditionalOutfit)**

**#CabaranMoralTingkatanLima (#F5MoralChallenge)**







**#AnakMalaysiaEkoAlam (#MalaysianYouthEcoFriendly)**

**#CabaranMoralTingkatanLima (#F5MoralChallenge)**




**#PokokAnakMalaysia (#TreeofMalaysianChild)**

**#CabaranMoralTingkatanLima (#F5MoralChallenge)**

Kejayaan mengharumkan nama negara di persada dunia merupakan tanggungjawab warganegara. Bersetujukah anda? Jelaskan.

11

**B** **Gambar di bawah menunjukkan ketekunan penyokong bola sepak negara J membersihkan stadium selepas kalah dalam pertandingan bola sepak.**



1. Adakah sikap seperti ini dapat meningkatkan imej negara pada peringkat antarabangsa?
2. Terangkan pengajaran yang anda peroleh daripada situasi di atas.
3. Bagaimanakah budaya rakyat Malaysia boleh diteladani oleh masyarakat antarabangsa?
4. Hasilkan slogan yang mencerminkan budaya rakyat Malaysia.

## DILEMA MORAL

Kah Seong telah menempah kereta import idamannya. Selepas seminggu, syarikat kereta nasional mengeluarkan sebuah model kereta baharu yang mempunyai spesifikasi yang lebih baik dengan harga yang lebih rendah. Andaikan anda Kah Seong, yang manakah pilihan anda? Justifikasikan jawapan anda.



7.4.2, 7.4.3, 7.4.4, 7.4.5

## PEMULIHAN

**A** **Kumpulkan kisah inspirasi atau pencapaian yang membanggakan negara di persada dunia. Kemudian, lakukan aktiviti seperti yang di bawah.**

**CARA PELAKSANAAN:**

Bentukkan kumpulan yang terdiri daripada tiga orang murid.



Seorang murid berperanan untuk mengumpulkan dan menceritakan kisah-kisah tersebut.



Seorang murid lagi akan berperanan untuk mendengar dan menyoal.



Murid terakhir akan berperanan untuk mencatat, kemudian membentangkan inti pati perbincangan di hadapan kelas.

### NILAI UNIVERSAL

Apakah nilai universal yang anda peroleh daripada kisah tersebut?

### REFLEKSI

Bagaimanakah kejayaan yang diceritakan di atas menjadi inspirasi kepada anda?

## PENILAIAN

**A** **Teliti gambar di bawah dan jawab soalan yang diberikan.**



Razali bin Rohani, seorang OKU yang melukis dengan menggunakan kedua-dua belah kaki dan lukisannya terkenal serta terjual sehingga ke luar negara

1. Kecacatan bukan penghalang untuk membanggakan negara di mata dunia. Terangkan nilai universal yang diamalkan oleh Razali bin Rohani.
2. Jelaskan kepentingan kejayaan seperti yang di atas untuk negara.
3. Apakah sokongan fizikal yang boleh diberikan kepada golongan ini untuk terus mengharumkan nama negara di persada dunia?
4. Jelaskan sokongan moral yang boleh diberikan kepada golongan ini.
5. Cerakinkan cabaran yang dihadapi oleh golongan OKU untuk mengharumkan nama negara di persada dunia.

**B** **Jawab soalan di bawah.**

Meraikan rakyat Malaysia yang berjaya pada peringkat antarabangsa merupakan salah satu cara menunjukkan rasa bangga terhadap negara. Bersetujukah anda? Bincangkan.

**C** **Gambar di bawah menunjukkan inovasi permainan tradisional pada zaman moden ini.**



Gasing tradisional



Gasing moden

1. Hasilkan inovasi baharu permainan tradisional selain contoh permainan di atas.
2. Promosikan inovasi permainan tradisional di persada dunia.

# UNIT 12 MALAYSIA DALAM HUBUNGAN ANTARABANGSA



**Dalam unit ini, murid dapat:**

**7.5.1** memberikan maksud hubungan antarabangsa.
**7.5.2** menjelaskan hubungan dua hala Malaysia dengan negara luar.
**7.5.3** menghuraikan kepentingan mengekalkan hubungan Malaysia dengan negara luar.
**7.5.4** mencerakinkan cabaran negara dalam mengekalkan hubungan antarabangsa.
**7.5.5** mengekspresikan perasaan apabila melibatkan diri dalam usaha mengekalkan hubungan antarabangsa.
**7.5.6** mengamalkan kerjasama untuk mengekalkan hubungan antarabangsa dalam kehidupan harian.



**Apakah faedah yang diperoleh daripada hubungan diplomatik yang dijalinkan dengan negara luar?**

**CADANGAN NILAI**

- Hormat
- Tanggungjawab
- Keberanian
- Kerjasama
- Berterima kasih

## KONSEP

Hubungan antarabangsa bermaksud pertalian dan interaksi antara negara di dunia. Hubungan antarabangsa juga meliputi interaksi antara negara dan organisasi antarabangsa, syarikat multinasional dan pertubuhan bukan kerajaan. Dalam konteks Malaysia, hubungan antarabangsa merupakan usaha memupuk kesefahaman antara negara dengan negara lain untuk memenuhi keperluan dan memelihara kepentingan negara demi kemakmuran sejagat.

HUBUNGAN




Contoh negara yang memiliki hubungan dua hala dengan Malaysia

## INFO TAMBAHAN

Dasar luar negara bertujuan untuk melindungi kedaulatan dan kepentingan negara serta menyumbang secara adil dan saksama melalui perhubungan diplomasi yang efektif. Malaysia juga berpegang teguh dengan prinsip penglibatan bersama dan kerjasama serta menolak sikap pemencilan dan tindakan sebelah pihak (unilateral).

(Sumber: Kementerian Luar Negeri)

Secara umumnya, Malaysia menjalinkan hubungan antarabangsa yang melibatkan hubungan dua hala dan hubungan pelbagai hala. Hubungan dua hala ialah hubungan antara dua buah negara dalam pelbagai bidang. Hubungan pelbagai hala pula melibatkan lebih daripada dua buah negara dan keanggotaan negara dalam pertubuhan peringkat serantau dan antarabangsa. Contohnya, Malaysia menganggotai pertubuhan serantau seperti Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara atau Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) dan pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau United Nations (UN), Pertubuhan Kerjasama Islam atau Organisation of Islamic Cooperation (OIC), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali atau Non-Aligned Movement (NAM) dan Komanwel.



## ANTARABANGSA




Contoh pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia

Hubungan dua hala yang terbentuk antara Malaysia dengan negara luar dapat membantu untuk memelihara dan mempertahankan kepentingan negara dari aspek politik, keselamatan, ekonomi dan sosial. Pembaharuan dan perubahan yang pragmatik dalam hubungan antarabangsa ini telah membawa pelbagai inisiatif yang diusahakan bersama. Terdapat pelbagai bentuk kerjasama dalam hubungan dua hala antara Malaysia dengan negara luar.

## HUBUNGAN DUA HALA ANTARA MALAYSIA DENGAN NEGARA LUAR

**Keselamatan dan Undang-undang Antarabangsa**

- Memastikan kedaulatan dan hak kedaulatan negara terpelihara
- Memastikan tanggungjawab dan komitmen negara di bawah undang-undang antarabangsa terlaksana
- Memelihara dan mempromosikan hak asasi manusia

**Ekonomi**

- Hubungan perdagangan pada peringkat global
- Perkongsian teknologi dan kepakaran
- Pelaburan asing

**Politik**

- Memupuk hubungan politik yang baik dengan negara-negara asing
- Memantau perkembangan politik negara asing dan kesannya kepada negara
- Memudah cara lawatan negara, lawatan rasmi dan lawatan kerja pemimpin antara negara

**Sosial**

- Bantuan kemanusiaan
- Perkongsian silang seni dan silang budaya
- Pelestarian alam sekitar

Hubungan dua hala Malaysia dengan negara luar perlu dikekalkan demi menjaga kepentingan bersama. Selain menegakkan kedaulatan dan memelihara hak kedaulatan negara, hubungan ini juga merancakkan kerjasama dalam pelbagai bidang yang dapat menjanakan kemajuan dan menaikkan taraf hidup rakyat. Banyak kepentingan yang diperoleh oleh Malaysia apabila menjalinkan hubungan dua hala. Kepentingan mengekalkan hubungan dua hala antara Malaysia dengan negara luar adalah seperti yang berikut:

### KEPENTINGAN MENGEKALKAN HUBUNGAN ANTARA MALAYSIA DENGAN NEGARA LUAR

**Politik**
- Memelihara kedaulatan negara
- Membanteras kegiatan jenayah dan keganasan
- Meningkatkan imej negara

**Pendidikan**
- Mempelbagaikan inovasi pendidikan
- Meningkatkan kualiti pendidikan bertaraf dunia
- Menubuhkan institusi pendidikan antarabangsa

**Ekonomi**
- Meningkatkan pendapatan negara
- Mempelbagaikan sumber ekonomi
- Membuka peluang pekerjaan

**Keselamatan**
- Membina hubungan dunia yang selamat
- Membanteras jenayah antarabangsa
- Menjamin keamanan negara

**Sains dan Teknologi**
- Memastikan kemajuan teknologi negara setanding dengan negara luar melalui pertukaran teknologi
- Meningkatkan keupayaan negara dalam bidang perubatan seperti penghasilan vaksin

Banyak cabaran yang perlu dihadapi oleh negara dalam mengekalkan hubungan dengan negara luar. Semua cabaran ini perlu ditangani agar dapat menjalinkan kerjasama dan kesefahaman pada peringkat dunia. Yang berikut merupakan antara cabaran dalam mengekalkan hubungan antarabangsa:

## CABARAN NEGARA DALAM MENGEKALKAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

- Perbezaan agama
- Perbezaan ideologi
- Kepelbagaian budaya dan bahasa
- Kedudukan geografi sesebuah negara
- Kejatuhan nilai mata wang negara

Malaysia telah menunjukkan reputasi yang baik dalam hubungan antarabangsa. Hal ini terbukti dengan kejayaan negara mewujudkan kerjasama dalam pelbagai bidang seperti politik, ekonomi dan sosial dengan negara-negara di dunia. Kita patut berterima kasih, berasa bangga dan gembira dengan reputasi baik yang diraih ini serta perlu berusaha untuk terus mengekalkannya demi kepentingan negara dan kemakmuran sejagat.

## PENGUKUHAN

**A** **Secara berkumpulan, teliti dan pilih satu isu di bawah untuk dibincangkan.**

| | | |
|---|---|---|
| **Penyeludupan pendatang asing tanpa izin ke dalam negara** | **Kesan perubahan iklim kepada dunia dan usaha mengatasinya** | **Kebebasan bersuara dan hak asasi manusia** |

Pelaksanaan perbincangan:

(i) Setiap kumpulan yang mewakili sebuah negara akan membincangkan isu yang dipilih.

(ii) Perbincangan dilaksanakan berdasarkan elemen di bawah:

- Kenal pasti punca
- Cabaran yang dihadapi
- Undang-undang dalam menyelesaikan isu yang dipilih
- Kaedah penyelesaian isu yang dipilih

(iii) Wakil setiap kumpulan akan membentangkan hasil perbincangan dalam bentuk simulasi persidangan antarabangsa.

(iv) Wakil setiap kumpulan perlu menyatakan pendirian mereka terhadap isu tersebut.

(v) Pada akhir persidangan, wakil setiap kumpulan perlu menyatakan persetujuan yang telah dicapai.



Aktiviti simulasi persidangan

Sejauh manakah isu yang dipilih dapat diselesaikan melalui persidangan tersebut?

Nyatakan kepentingan hubungan antarabangsa dalam menyelesaikan isu di atas.

## REFLEKSI

Pendekatan melalui rundingan lebih baik dalam menyelesaikan sesuatu isu antara negara. Bincangkan.

**7.5.2, 7.5.3, 7.5.4, 7.5.6**

**B** **Hasilkan jurnal bergambar digital tentang hubungan Malaysia dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).**

**Pertubuhan yang Disertai oleh Malaysia**

- International Civil Aviation Organization (ICAO)
- International Maritime Organization (IMO)
- International Telecommunication Union (ITU)

- United Nations Human Rights Council (UNHRC)
- United Nations Entity for Gender Equality and the Empowerment of Women (UN Women)
- United Nations Industrial Development Organization (UNIDO)

- United Nations World Tourism Organization (UNWTO)

1. Hasilkan jurnal bergambar digital berdasarkan maklumat di bawah:
   (i) Program yang disertai oleh Malaysia bersama-sama dengan pertubuhan dalam PBB.
   (ii) Pencapaian Malaysia dalam program anjuran PBB.
2. Bentangkan jurnal bergambar digital di dalam kelas.
3. Jawab soalan di bawah.
   (i) Jelaskan perasaan anda apabila melihat pencapaian Malaysia dalam program anjuran PBB.
   (ii) Huraikan kepentingan kerjasama Malaysia dengan PBB.
   (iii) Sejauh manakah PBB mengambil tindakan terhadap pencabulan hak asasi manusia dalam kalangan negara anggotanya? Bincangkan.

**DIMENSI MORAL**

Sebagai warganegara Malaysia, bagaimanakah anda menyokong hubungan antarabangsa Malaysia dengan negara luar?

**C Secara berkumpulan, teliti situasi di bawah.**

**Situasi**

Negara Q telah lama menghasilkan teknologi kawalan siber dalam menangani isu penggodaman maklumat akaun bank. Kejayaan ini mendapat perhatian dari negara lain. Negara anda juga ingin membeli teknologi tersebut untuk melindungi keselamatan akaun bank di negara anda.




Berdasarkan situasi di atas:

1. Sediakan satu memorandum persefahaman atau Memorandum of Understanding (MoU) antara negara anda dengan negara Q.
2. Justifikasikan syarat-syarat dalam memorandum persefahaman tersebut.
3. Bentangkan memorandum persefahaman tersebut di hadapan kelas.

**NILAI UNIVERSAL**

Nyatakan nilai universal yang perlu diamalkan dalam hubungan kerjasama antarabangsa.

Apakah kesan memorandum persefahaman berkaitan dengan isu tersebut? Justifikasikan jawapan anda.

Apakah kesan pelanggaran memorandum persefahaman? Berikan pendapat anda.

## PENGAYAAN

**A Teliti isu-isu di bawah, kemudian jawab soalan yang diberikan.**

### ISU 1 : JEREBU

1. Cadangkan cara penyelesaian isu jerebu melalui hubungan antarabangsa.
2. Sekiranya keadaan ini berterusan, apakah tindakan yang perlu diambil oleh Malaysia? Jelaskan.






Andaikan anda pemimpin negara. Jelaskan cabaran dalam mengekalkan hubungan antarabangsa apabila menghadapi isu-isu tersebut.



KANAK-KANAK pelarian Syria ya
untuk pelarian Syria di Kedutaan

**12,000**
**Syria te**

■ ATHENS 9 DIS.

PERTUBUHAN Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyatakan kira-kira 12,000 pelarian Syria kini terkandas di sempadan Jordan.

Suruhanjaya Tinggi PBB untuk Pelarian (UNHCR), semalam merayu pihak berkuasa Jordan membenarkan mereka memasuki negara itu berikutan keadaan yang semakin buruk di sana.

Badan dunia itu berkata, sebanyak 11,000 pelarian kini terkandas di Rukban, kira-kira lapan kilometer dari titik pertemuan sempadan Syria, Iraq dan Jordan, manakala 1,000 pelarian lagi terkandas di Hadalat.

"Kawasan-kawasan berkenaan adalah gurun, tidak mempunyai tempat berteduh, air atau tumbuh-tumbuhan.

"UNHCR merayu kerajaan Jordan memberikan keutamaan kepada golongan paling lemah termasuk warga emas, bayi di bawah umur enam bulan dan wanita mengandung untuk memasuki negara itu," kata PBB dalam satu kenyataan.

UN
hatan
teruk
tanda
munta
kalanga
"Jika
memasu
perlu di
musim se
Semen
kurangnya
asing ter
maut, ma

## ISU 2: PELARIAN

1. Penerimaan pelarian oleh Malaysia menunjukkan satu sikap berperikemanusiaan. Bincangkan.
2. Sejauh manakah hubungan antarabangsa membantu negara menangani isu pelarian?
3. Bagaimanakah sikap berperikemanusiaan mengatasi perundangan dalam isu pelarian?

### Gesa UNHCR percepat proses penempatan semula pelarian

**KUALA LUMPUR** - Malaysia meminta Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) bekerjasama erat dengan ASEAN bagi ... proses penempatan semu- ... ke negara ketiga. ... Sri Muhyiddin ... pahan krisis wi- ... terus memberi ... justeru menuntut ... esaian yang berke- ... t. ... dilakukan dalam ... membantu dalam ... esaian yang efektif ... e? ... lakukan lebih banyak ... mar dan negara itu perlu lebih berusaha membantu diri sendiri bagi menyelesaikan krisis supaya pembangunan dapat dilaksanakan dengan bermakna," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak lagi dapat menampung lebih ramai pelarian kerana sumber dan kapasitinya mencapai had ditambah dengan pandemik Covid-19.

"Secara tidak adil, Malaysia diharapkan melakukan lebih banyak usaha menampung kedatangan pelarian ke negara ini.

"Walaupun Malaysia bukan Negara Pihak kepada Konvensyen Status Pelarian 1951 atau Protokol Status Pelarian 1967, kami menyediakan bantuan kemanusiaan kepada pelarian etnik Rohingya dan pelarian lain dari Myanmar.

"Tetapi situasi itu tidak boleh berterusan selama-lamanya," kata beliau. - *Bernama*

(Sumber: *Sinar Harian*, 27 Jun 2020)



...arian Syria yang telah didaftarkan oleh ibu bapa mereka menunggu di pusat pemproses... di Kedutaan Kanada di Jordan, kelmarin. - REUTERS

### ...00 pelarian ... terkandas

**info**

**11,000** pelarian terkandas di Rukban, dan **1,000** lagi di Hadalat

...-Bangsa ...akan ki- ...n Syria ...Jordan. ... untuk ...n me- ...mem- ...egara ...akin

...eba- ...das ...eter ...Sy- ...00 ...

UNHCR berkata, keadaan kesihatan pelarian terbabit semakin teruk dengan peningkatan tanda-tanda penyakit termasuk cirit-birit, muntah, dan kekurangan zat dalam kalangan kanak-kanak.

"Jika pelarian tidak dibenarkan memasuki Jordan, bantuan asas perlu disediakan ekoran ketibaan musim sejuk," jelas UNHCR.

Sementara itu di Greece, sekurang-kurangnya 11 pelarian dan pendatang asing termasuk lima kanak-kanak maut, manakala 10 orang lagi hilang apabila bot yang me... tenggelam di Pulau Farma... Greece, malam tadi.

Polis maritim Greece ber... banyak 26 orang berjaya di... kan dan operasi mencari kin... kan di tenggara Laut Aegea... mencari mangsa yang tersela...

"Helikopter tentera Gree... sebuah kapal agensi kawalan sempadan Kesatuan Eropah (EU), Frontex turut dikerahkan membantu pencarian," kata polis.

Semalam, sekurang-kurangnya enam kanak-kanak terbunuh apabila bot yang membawa pendatang asing dari Afghanistan karam di perairan Turki dalam pelayaran ke Greece.

Agensi berita *Anatolia* melaporkan, pengawal pantai Turki menemukan mayat-mayat kanak-kanak dan seorang bayi ketika operasi masih dijalankan bagi mencari dua lagi pendatang asing yang masih hilang.

"Bot yang dinaiki mereka karam selepas angin kencang dan ombak kuat berdekatan bandar Cesme, wilayah Izmir," jelas *Anatolia*. - AFP

(Sumber: *Utusan Malaysia*, 10 Disember 2015)

### Bot bawa 56 pelarian Rohingya ditemui selamat



***Anggota Maritim Malaysia memberi bantuan*** *kepada pelarian sebelum menunda bot mereka ke Jeti Kuala Kedah, semalam.*

Pasukan penyelamat beri bantuan awal, iringi ke Jeti Kuala Kedah

**Oleh Zuliaty Zulkiffli**
cnews@nstp.com.my
Alor Setar

Sebuah bot yang disyaki membawa 56 pelarian Rohingya yang dilaporkan belayar dari Thailand dua hari lalu ditemui selamat oleh pihak berkuasa di Langkawi pagi semalam.

Mereka ditemui kedudukan 0.1 batu nautika dari Pulau Nyior Setali jam 9.10 pagi berhampiran Pulau Tuba, di sini oleh pasukan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Pasukan Polis Marin (PPM) yang ditugaskan membuat rondaan sejak kelmarin.

**Beri bantuan awal**

Pengarah Maritim Malaysia Wilayah Utara, Laksamana Pertama Maritim Rozali Mohd Said, berkata daripada jumlah itu, 17 daripadanya adalah wanita dewasa, 19 lelaki, 12 kanak-kanak perempuan dan lapan kanak-kanak lelaki.

Beliau berkata, pihak Maritim Malaysia memberi bantuan awal seperti makanan, minuman serta bantuan perubatan.

"Bot itu kemudian diiring ke Jeti Kuala Kedah untuk diserahkan kepada Jabatan Imigresen Kedah bagi proses selanjutnya mengikut prosedur kemasukan ke negara ini tanpa dokumen perjalanan yang sah.

"Pihak Maritim Malaysia memandang serius pencerobohan di seluruh perairan Malaysia, namun atas dasar kemanusiaan, pelarian terbabit tetap diberi layanan baik dengan memberi makanan, minuman dan perubatan," katanya.

(Sumber: *Berita Harian*, 4 April 2018)

## PEMULIHAN

**A Laksanakan aktiviti "Terokai Hubungan Antarabangsa" di bawah.**

**CARA PELAKSANAAN:**

1. Kenal pasti negara yang menganggotai pertubuhan berikut:
   (i) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau United Nations (UN)
   (ii) Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara atau Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)
   (iii) Pertubuhan Kerjasama Islam atau Organisation of Islamic Cooperation (OIC)
   (iv) Pergerakan Negara-Negara Berkecuali atau Non-Aligned Movement (NAM)
   (v) Komanwel
2. Lukis jaringan hubungan negara yang menganggotai pertubuhan yang diberikan berdasarkan peta dalam kod QR.

Jelaskan perasaan anda apabila mengetahui Malaysia mempunyai hubungan dengan pelbagai pertubuhan dunia.

NAM

OIC

Peta dunia

PBB

Bagaimanakah anda dapat membantu Malaysia mengekalkan hubungan dengan negara luar?

asean

ASEAN

The Commonwealth

Komanwel

Malaysia tidak menjalinkan hubungan diplomatik dengan sebuah negara.

Namakan negara tersebut.

Mengapakah Malaysia bertindak sedemikian? Berikan pendapat anda.

12

**B** **Baca dan teliti poster berkaitan dengan pandemik COVID-19.**




(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)

Secara berkumpulan:

(i) Dapatkan maklumat tentang kerjasama Malaysia dengan negara luar dalam menghadapi pandemik COVID-19.

(ii) Jelaskan kepentingan Malaysia menjalinkan hubungan antarabangsa dalam menghadapi pandemik COVID-19.

**REFLEKSI**

Adakah arahan sekatan keluar dan masuk pelancong asing kerana pandemik COVID-19 boleh menjejaskan hubungan antarabangsa? Berikan pandangan anda.



7.5.2, 7.5.3

## PENILAIAN

**A Pilih tiga pertubuhan yang dianggotai oleh Malaysia.**

United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization

UNESCO

ASEAN

PBB

NAM

The Commonwealth

Komanwel

OIC

1. Cari maklumat tentang pertubuhan tersebut, kemudian jawab soalan di bawah.
   (i) Terangkan kerjasama Malaysia dengan pertubuhan tersebut.
   (ii) Huraikan langkah yang patut diambil oleh Malaysia dalam mengekalkan hubungan antarabangsa.
2. Baca petikan ucapan dan jawab soalan di bawah.

   "Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sikap berkecuali dan berpegang pada falsafah 'hormati jiran tetangga'. Pendirian ini mampu mewujudkan kerjasama yang baik dengan negara-negara jiran. Malaysia turut mengambil tindakan proaktif yang mendukung prinsip PBB dalam mewujudkan keamanan, keselamatan dan melindungi hak asasi manusia."

   (i) Terangkan nilai universal yang diamalkan oleh pemimpin negara.
   (ii) Nyatakan pendirian Malaysia sekiranya sesuatu tindakan yang diambil oleh pertubuhan yang dianggotai itu bercanggah dengan prinsip kemanusiaan.

**B Jawab soalan esei di bawah.**

Hubungan antara Malaysia dengan negara luar mendatangkan lebih banyak kebaikan daripada keburukan. Huraikan jawapan anda berdasarkan nilai universal yang dipelajari.

**C** **Hubungan antarabangsa memberikan manfaat yang banyak dalam sektor perladangan. Teliti ladang prototaip teknologi futuristik di bawah.**




Sejauh manakah teknologi ini mampu memudahkan pengurusan kerja di ladang?

Adakah perubahan ini membantu dalam peningkatan hasil sektor perladangan?



**DRON TINJAUAN**
Dron berfungsi untuk meninjau keadaan ladang seperti memetakan rumpai, hasil dan variasi tanah. Hasil tinjauan ini membantu pengawalan rumput liar, rumpai berbahaya dan dapat meningkatkan hasil tanaman.

**ARMADA AGRIBOT (AGRICULTURE ROBOTS)**
Penggunaan mesin agribot dapat menanam, merumput, membaja dan menuai tanpa bantuan manusia. Hal ini dapat mengurangkan kos pertanian dan perladangan.

**TRAKTOR PINTAR**
Traktor tanpa pemandu dikendalikan oleh Sistem Kedudukan Sejagat atau Global Positioning System (GPS). Traktor menggunakan laluan terancang yang dapat mengurangkan hakisan tanah dan menjimatkan kos minyak.



**D** **Secara berkumpulan, hasilkan satu prototaip dengan menggunakan teknologi dari negara lain.**

Cadangan prototaip:

| | |
|---|---|
| Taman tema air futuristik | Bank futuristik |
| Pasar raya futuristik | Rumah futuristik |

Kongsikan prototaip anda dengan rakan di dalam kelas. Kemudian, sebarkannya dengan memuat naik prototaip tersebut dalam laman sesawang sekolah.

# GLOSARI

*aktivis* orang yang melibatkan diri dalam sesuatu kegiatan atau perjuangan secara aktif dan agresif.

*aset* wang tunai atau harta benda seperti tanah, bangunan dan lain-lain yang dimiliki seseorang.

*berperikemanusiaan* mempunyai perikemanusiaan seperti perasaan bertimbang rasa, tolong-menolong, mengasihani dan sebagainya.

*cukai* bayaran yang dikenakan oleh kerajaan terhadap orang perseorangan termasuklah perbadanan, syarikat dan lain-lain untuk perbelanjaan negara.

*doodle graffiti* kata-kata atau lukisan yang dilukis atau dicontengkan di tempat-tempat awam seperti tembok bangunan.

*globalisasi* fenomena yang menjadikan dunia kelihatan kecil dari segi perhubungan manusia disebabkan pantasnya perkembangan teknologi maklumat.

*ideologi* aliran atau ajaran yang dijadikan dasar sesuatu pemerintahan atau yang menjadi pegangan sesuatu parti politik.

*individualistik* bersikap sebagai individualis, iaitu tidak dikuasai atau dikongkong oleh golongan atau pihak lain; bersifat individu.

*kejujuran* sifat jujur atau ketulusan hati.

*kelestarian* keadaan seperti hutan, persekitaran dan lain-lain yang tidak berubah atau terpelihara seperti asal.

*kepedulian* perihal atau sikap ambil peduli terhadap seseorang atau sesuatu; keprihatinan.

*kerohanian* sifat-sifat rohani.

*kredibiliti* sifat yang boleh dipercayai atau diyakini.

*materialistik* berkaitan dengan kebendaan atau mengutamakan kebendaan.

*memorandum persefahaman* perjanjian antara dua pihak atau pelbagai pihak yang berbincang untuk mencapai objektif atau tujuan yang sama demi kebaikan semua pihak.

*pemerdagangan* hal atau perbuatan memperdagangkan.

*pendapatan bersih* gaji yang sudah ditolak dengan bayaran cukai dan komitmen yang perlu dibayar setiap bulan.

*pendapatan kasar* gaji tanpa ditolak sebarang cukai atau komitmen yang perlu dibayar setiap bulan.

*persefahaman* perihal bersefahaman, permuafakatan atau persetujuan.

*plagiat* mencedok kata-kata, idea dan sebagainya daripada orang lain dan menggunakannya sebagai karya sendiri.

*rasional* alasan munasabah yang mendasari sesuatu tindakan, perbuatan atau pegangan.

*sempadan* sesuatu yang menjadi tanda pemisah antara sesuatu kawasan dengan kawasan lain; tanda yang menunjukkan had sesuatu kawasan.

*standard* sesuatu yang diterima atau diiktiraf dan dijadikan dasar untuk mengukur dan menilai sesuatu yang lain.

# SENARAI RUJUKAN


Abdul Aziz Bari, 2008. *Perlembagaan Malaysia Teori & Praktis. Selangor*: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.

Abdul Rahman Md. Aroff, 1999. *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral. Selangor*: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Asmah Abdullah, 2007. *Ke Arah Glokal: Dimensi Budaya dalam Pengurusan Malaysia*. Kuala Lumpur: ITNM.

Balakrishnan, V., 2009. *Pendidikan Moral untuk Universiti dan Kolej*. Subang Jaya: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.

Brennan, M. B. G., Southwood, R. E. G. N. (Eds.), 2010. *Norms and Values: The Role of Social Norms as Instruments of Value Realization*. Baden-Baden: Nomos Publishers.

Chang Lee Hoon, "An Appraisal on the Implementation of Moral Education for Schools in Malaysia". Kertas kerja dalam Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education. Bandung, Indonesia, 8–10 November 2010.

Eow Boon Hin *et al*, 2009. *Moral Education*. Revised Edition. Selangor: Prentice Hall.

Furco, Andrew, "Service-Learning: A Balanced Approach to Experiential Education" dlm. *Expanding Boundaries: Serving and Learning*, Januari 1996.

Hasnah Hussin dan Mardiana Nordin, 2007. *Pengajian Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar.

Jurry Foo, "Sistem Tagal dalam Industri Pelancongan: Manfaat kepada Komuniti" dlm. *Journal of Society and Space*, Vol. 7, 2011.

Kalsom Kayat, Nor Ashikin Mohd. Nor, "Penglibatan Ahli Komuniti dalam Program Pembangunan Komuniti: Satu Kajian ke Atas Program Homestay di Kedah" dlm. *Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*, Vol. 67, hlm 77–102, 2006.

Kamus Dewan *Edisi Keempat*, 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Landrum, R. E., & Clark, J., "Student Perceptions of Textbook Outlines" dlm. *College Student Journal*, 40 (3), hlm. 646–650, Sept. 2006.

Lim Swee Tin, Dr., 2010. *Jejak Guru Berintegriti: Integriti Memperkasa*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia.

Muhamad Ridzuan Amin, Lina Ahmad, 2009. *Merancang Kewangan*. Subang Jaya, Selangor: Pustaka Seri Idaman.

Noor Azilawati Mohd. Sabda, 2003. *Merancang Perbelanjaan Bijak*. Petaling Jaya, Selangor: Penerbit Pinang Sdn. Bhd.

Noor Banu Mahadir Naidu, 2016. *Citizenship in Multi-ethnic Malaysia: An Investigation of Student Teachers' Understandings, Values and Beliefs*. Moray House School of Education: University of Edinburgh.

Norhayati Ab Manaf, Ramle Abdullah, Nurul Faezah Noor Azizan. "Peranan Agensi Kerajaan dalam Pelaksanaan Program Pembangunan Sosial Bagi Meningkatkan Status Kesejahteraan Komuniti Orang Asli Terengganu". Kertas kerja dalam International Conference on Local Government and Social Science. Tanjung Pinang, Kepulauan Riau, Indonesia, April 2019.

Roslan Mahmood dan Dr. Nik Rosnah Wan Abdullah, "Pendidikan Etika, Moral dan Integriti dalam Organisasi Sektor Awam di Malaysia" dlm. *Jurnal Pengurusan Awam*, hlm. 123–140, Jun 2008.

Rozmi Ismail, 2011. *Psikologi Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tam Yeow Kwai, 2006. *Pendidikan Moral: Konsep dan Pedagogi Pendidikan Guru*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, Lilah Yasin, "Belia dan Program Kesukarelawan di Malaysia: Satu Kajian Empirikal" dlm. *Malaysian Journal of Society and Space*, Vol. 12 No. 10, 2016.

Weiten, W., Guadagno, R. E., & Beck, C. A., "Students, Perceptions of Textbook Pedagogical Aids" dlm. *Sage Journals Teaching of Psychology*, 23:2, hlm. 105–107, 1996.

Zulhilmi Paidi dan Rohani Ab Ghani, 2003. *Masyarakat Malaysia*. Petaling Jaya: PTS Publications Sdn. Bhd.

**LAMAN SESAWANG**

https://www.managementstudyguide.com/financial-planning.htm (dicapai pada 23 Januari 2020)
https://www.mcmc.gov.my/en/home (dicapai pada 21 Januari 2020)
https://www.akpk.org.my (dicapai pada 21 Januari 2020)
https://www.bnm.gov.my (dicapai pada 3 Februari 2020)

https://www.livejapan.com (dicapai pada 3 Februari 2020)
https://www.icrc.org/en (dicapai pada 5 Februari 2020)
https://www.bernama.com/en (dicapai pada 10 Februari 2020)
http://www.hasil.gov.my (dicapai pada 16 Februari 2020)
https://www.klcc.com.my/ (dicapai pada 19 Ogos 2020)
https://akhbarpendidikan.blogspot.com/ (dicapai pada 21 Januari 2020)
https://zafrunnisah.blogspot.com (dicapai pada 22 Februari 2020)
https://alumni.upm.edu.my/ (dicapai pada 18 Februari 2020)
https://news.usm.my (dicapai pada 10 Februari 2020)
https://tingkatanenam.blogspot.com/ (dicapai pada 24 Januari 2020)
http://www.mynewshub.com (dicapai pada 25 Februari 2020)
https://www.iluminasi.com (dicapai pada 18 Februari 2020)
https://www.bharian.com.my (dicapai pada 26 Januari 2020)
https://www.nst.com.my/authors/nst-online (dicapai pada 13 Februari 2020)
https://www.academia.edu/30788977/Falsafah_Perkembangan_Pendidikan_di_Malaysia (dicapai pada 18 Februari 2020)
https://www.academia.edu/29864734/AgriIoT_A_Semantic_Framework_for_Internet_of_Things-enabled_Smart_Farming (dicapai pada 24 Februari 2020)
https://www.academia.edu/32930296/SPM_SEJARAH_KERTAS_3 (dicapai pada 1 Mac 2020)
https://www.academia.edu/9630785/falsafah_and_dasar_pendidikan_dimalaysia (dicapai pada 3 Mac 2020)
https://www.academia.edu/7796863/PENGAJIAN_MALAYSIA_Diploma (dicapai pada 22 Februari 2020)
https://www.academia.edu/41714921/Modul_Lengkap_EDU (dicapai pada 25 Februari 2020)
https://www.academia.edu/32937597/Tadbir_urus_negara (dicapai pada 20 Februari 2020)
https://www.academia.edu/5231797/Asgment_group_impak_globalisasi (dicapai pada 19 Februari 2020)
https://www.academia.edu/6440164/Apa_itu_hubungan_antarabangsa (dicapai pada 19 Februari 2020)
https://www.academia.edu/31062608/MELAYU_GLOKAL.pdf (dicapai pada 16 Januari 2020)
http://www.eaic.gov.my (dicapai pada 17 Februari 2020)
http://www.jkkn.gov.my (dicapai pada 23 Januari 2020)
http://www.jkm.gov.my (dicapai pada 25 Februari 2020)
https://www.sprm.gov.my (dicapai pada 25 Februari 2020)
http://integritimoa.blogspot.com/2016/01/apa-itu-integriti.html (dicapai pada 17 Januari 2020)
http://www.measat.com (dicapai pada 27 Februari 2020)
http://www.jmm.gov.my/en/museum/national-automobile-museum (dicapai pada 14 Mac 2020)
https://www.kkmm.gov.my (dicapai pada 14 Mac 2020)
https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/index.php?r=portal/index (dicapai pada 28 Februari 2020)
https://www.integriti.my/2018/06/28/melestari-budaya-integriti-sektor-awam/(dicapai pada 18 Ogos 2020)
http://hids.arkib.gov.my/ (dicapai pada 19 Ogos 2020)

# INDEKS


amalan 2, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 14, 22, 35, 40, 42, 51, 56, 60, 62, 64, 65, 68, 72, 76, 79, 80, 82, 83, 90, 91, 114, 133, 136, 146, 147
aset 139, 145, 149

berdaya saing 18, 19

cukai 23, 76, 77, 81, 139, 147

*doodle graffiti* 56

ekonomi 5, 6, 7, 76, 78, 79, 84, 90, 94, 122, 124, 140, 147, 157, 172, 173,
empati 90
ensiklopedia 46

global 4–7, 12, 14, 18–23, 59, 88–94, 96, 99, 100, 101, 109, 123, 125, 172
glokal 17–25, 27, 28

harga 21, 66, 67, 82, 83, 90, 109, 148, 164
hubungan antarabangsa 103, 168, 170, 172, 174–176, 178–182, 184
hubungan dua hala 168, 170, 171, 173

ideologi 20, 122, 124, 174
individualistik 35, 39, 65, 90, 93, 110, 158
integriti 23, 58, 62–66, 68, 69–72, 74, 76–87

jati diri 5, 16–19, 21, 24, 38, 158

keamanan 90, 91, 122–123, 125, 173, 183
kebolehpercayaan 76, 78
kebuluran 94, 197
kejayaan 124, 154, 156–159, 165, 166, 177
kejujuran 49, 79
kekitaan 109
kelestarian 4–6, 8, 12, 14, 82, 90, 93, 107, 110
kemodenan 35, 39
kepedulian 91, 125, 134, 158
keprihatinan 91, 110, 128
kerja 62, 63, 65, 66, 68, 69, 71, 72, 77, 78, 87, 109, 118, 122, 123, 172, 184
kerjasama 5, 106, 109, 114, 115, 119, 120, 122–134, 158, 172–177, 182, 183
kerohanian 30–43
kesejahteraan 4, 46–49, 32–43, 52, 55, 56–58, 90–94, 96, 101, 109, 123, 125
kesihatan 5, 8, 84, 90, 97, 107, 112, 127, 123, 184
kod etika 62, 63
komuniti 4, 106–118, 141
konflik 15, 48, 49, 100, 123
kredibiliti 64

Malaysia 79, 112–114, 129, 134, 154, 156, 158, 161–164, 166, 170–174, 176, 178–183
masyarakat global 4–15, 10–93, 120, 134
materialistik 35, 39, 93
memorandum persefahaman 177

nama negara 156–158, 160, 163, 166
netizen 50

organisasi 23, 48, 61–72, 76, 79, 86, 170

pasukan keselamatan 95
pegawai 66–68, 84, 96
pekerja 68, 71, 72, 77, 78, 84, 94, 151, 173
pelancongan 23, 78, 106, 123, 155, 156, 160
pelanggan 62, 64, 65, 72, 73, 77, 80, 84, 85, 147
pembangunan 4, 5, 20, 21, 43, 76–82, 86, 87, 106, 109, 110, 114, 122, 125, 126, 157
pemimpin 86, 134, 172, 178, 183
pengabaian 7, 9, 14, 30, 35, 38, 41, 66, 72, 79, 85, 93, 95, 96, 100, 101, 125
pengiktirafan 64, 154, 156, 157
penglibatan 6, 106, 108–113, 115, 117, 118, 126, 157, 170
pentadbiran 73, 76, 78, 79, 86, 124
perindustrian 123, 132, 133, 154
perpaduan 6, 48, 49, 109, 125
persada dunia 20, 25, 78, 154, 158, 161, 165–167
persefahaman 6, 124, 177
pertimbangan 10, 64, 93, 95, 101
pertubuhan bukan kerajaan 106, 108, 110, 112–119
piagam pelanggan 62, 77

produktiviti 78, 94, 124
program 23, 24, 28, 63, 111, 112, 115, 117, 122, 154, 176
program komuniti 106, 108–118
prosedur 51

rasional 7, 34, 45, 49, 64, 75, 79, 141, 159
rasuah 63, 76–79, 86

saham 138
sejagat 7, 18, 46–49, 51, 52, 55-58, 91, 92, 122, 170, 185
simpanan 138–140, 142, 149
simpati 90
sosiobudaya 5, 21
sukarelawan 107, 108, 111, 113, 116, 117
sumber 9, 14, 45–58, 64, 70, 91, 100, 106, 122–124, 138, 147, 157, 158, 173

tabungan 139, 144, 146
tanggungjawab 35, 49, 61, 64, 67, 71, 76, 77, 82, 83, 84, 86, 106, 109, 110, 118, 141, 147, 158, 163, 172
transaksi 5, 140

CADANGAN JAWAPAN